

## **BAB 2**

### **LANDASAN TEORI**

#### **2.1 PENGENALAN**

Bab ini menghuraikan hukum-hukum yang berkaitan dengan filem serta kaedah-kaedah asas halal dan haram. Perbincangan dalam bab ini bertujuan memenuhi salah satu daripada objektif kajian iaitu memahami dengan lebih jelas kaedah-kaedah asas halal dan haram serta hukum-hukum yang berkaitan dengan filem. Kepentingan bab ini adalah sebagai landasan hukum bagi menganalisis skop kajian dalam bab 4.

#### **2.2 DEFINISI FILEM ISLAM**

Filem Islam bukan bermaksud filem yang bercorakkan Islam, kerana kedua-dua istilah ini adalah berbeza.<sup>1</sup> Filem bercorak Islam adalah satu rangkaian kata yang merujuk kepada sesebuah filem yang diterbitkan dan di dalamnya mengandungi beberapa unsur yang selari dan sesuai dengan Islam.<sup>2</sup>

Pengertian filem Islam perlu disandarkan atau diasaskan kepada pengertian Islam.<sup>3</sup> Segala kehidupan kita termasuk filem berada dalam ruang lingkup Islam. Ini kerana Islam itu sendiri adalah *al-Din* yang bermaksud merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia sama ada di dunia dan akhirat.<sup>4</sup> Umat Islam tidak dapat lari dari

---

<sup>1</sup> Naim Haji Ahmad (2010), *Op. Cit.*, Hlm. 1.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> *Ibid.*, Hlm. 11.

<sup>4</sup> Abdullah Said et al. (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 17.

ruang lingkup Islam walaupun sesaat.<sup>5</sup> Apabila dikaitkan dengan Islam, maka filem perlu bersih dari unsur-unsur yang ditegah oleh Islam.

Filem bukan merupakan produk semata-mata. Jika dikaitkan dengan Islam maka produk mampu menjadi ibadah.<sup>6</sup> Ibadah di sini dikategorikan sebagai ibadah umum yang bermaksud semua kegiatan harian manusia yang dilakukan berlandaskan syariat Allah s.w.t. dan setiap Muslim yang melakukannya akan beroleh pahala selagi ia bersesuaian dengan syarat-syarat dan asas-asas ibadah.

Syarat-syarat ibadah ialah niat atau matlamat yang betul serta ikhlas kerana Allah s.w.t, pekerjaan atau perbuatan hendaklah diiktiraf oleh Islam, semasa melakukan pekerjaan atau perbuatan tersebut tidak melampai batas syarak, tidak meninggalkan ibadah khusus dan dilakukan dengan bersungguh-sungguh serta sempurna.<sup>7</sup> Manakala asas-asas ibadah pula ialah mempunyai ilmu pengetahuan, beriman kepada Allah s.w.t., ikhlas serta amanah dan ihsan kepada Allah s.w.t.<sup>8</sup>

Kesimpulannya filem Islam merupakan sebuah produk yang halal. Mereka yang terlibat dalam pembikinan filem mestilah beragama Islam serta perlu dimulakan dengan niat yang baik. Sepanjang fasa penerbitannya mesti bersandarkan kepada etika dan nilai Islam. Hasilnya ia mampu menjadi risalah dalam menegakkan “amar makruf nahi mungkar” kepada khalayak.<sup>9</sup> Malah ia mampu melahirkan hubungan

---

<sup>5</sup> Mohd Faizal P.Ramlee et al. (2011), *Op. Cit.*

<sup>6</sup> Asnaini (2008), *Op. Cit.*, Hlm. 133.

<sup>7</sup> Abdullah Said et al. (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 144-145.

<sup>8</sup> *Ibid.*, Hlm. 146-147.

<sup>9</sup> Naim Haji Ahmad (2008), “*Ke Arah Membentuk Definisi dan Konsep Islam*”, (Kertas Persidangan Bengkel Falsafah dan Dasar Komunikasi Negara Berteraskan Islam Hadari di Universiti Kebangsaan Malaysia, Feb 2008), Hlm. 3.

kepada Allah s.w.t., hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam semula jadi.<sup>10</sup>

### 2.3 SENI DAN HIBURAN DALAM ISLAM

Kesenian merupakan salah satu aspek kebudayaan. Perkataan seni memberi erti sesuatu yang halus, indah, permai,<sup>11</sup> tipis, enak didengar, comel dan lembut.<sup>12</sup> Dari segi istilahnya seni membawa maksud segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati dan perasaan manusia, tidak kira sama ada ia merupakan hasil ciptaan Allah s.w.t. mahupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi perbuatan manusia.<sup>13</sup>

Seni mempunyai hubung kait dengan Islam, kerana Islam itu sendiri adalah sesuatu yang seni.<sup>14</sup> Kesenian Islam mempunyai ciri-cirinya yang tertentu yang membezakan dari kesenian lain. Seni Islam merupakan ciptaan bentuk-bentuk yang mengandungi nilai estetika yang berpadu dengan nilai etika Islam.<sup>15</sup> Ia terbukti dari ajaran-ajarannya yang mengajak umat manusia kepada kebaikan. Quran menggambarkan kesenian dan keindahan dengan jelas melalui ciptaan-ciptaan Allah s.w.t.<sup>16</sup> Bagi Jalāl

---

<sup>10</sup> Abdul Ghani Samsudin et al. (2001), *Seni Dalam Islam*, Cet. 1, Selangor: Intel Multimedia and Publication, Hlm. 78-79.

<sup>11</sup> Engku Ibrahim Engku Ismail & Abd Ghani Shamsuddin (1990), “*Konsep Seni dalam Islam*”, (Kertas Persidangan Seminar Islam dan Kesenian di Universiti Malaya, 5-8 November 1990), Hlm. 2.

<sup>12</sup> Md Hashim Haji Yahya, Md. Afandi Awang & Tuan Anuar Nik Him (1990), “*Kesenian Dari Sudut Syariah*”, (Kertas Persidangan Seminar Islam dan Kesenian di Universiti Malaya, 5-8 November 1990), Hlm. 6.

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> *Ibid.*, Hlm. 7.

<sup>15</sup> Abdul Ghani Samsudin et al. (2001), *Op. Cit.*, Hlm. 15.

<sup>16</sup> Sidi Gazalba (1983), *Islam dan Perubahan Sosiobudaya*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, Hlm. 31.

al-Syarqāwī, beliau berpandangan bahawa segala kesenian itu mampu menghasilkan sesuatu yang tidak mampu dihasilkan di peringkat sekolah mahupun universiti, iaitu sebagai wasilah yang tepat bagi menghasilkan kesenian Islam dan cintakan-Nya dan ia diumpamakan seperti perbezaan di antara orang yang berpengetahuan dan orang yang buta huruf.<sup>17</sup>

Manakala hiburan pula ialah semua perkara yang meleakakan manusia daripada pelbagai gangguan, pemikiran dan masalah yang mengganggu tidurnya.<sup>18</sup> Ia juga tidak mempunyai hakikat yang sabit bermain, berjenaka, bersembang malam, menyanyi dan sebagainya.<sup>19</sup>

Hiburan terbahagi kepada tiga jenis. Jenis yang pertama adalah hiburan yang tidak mendatangkan sebarang kebaikan dan keburukan, hiburan ini sekadar melupakan manusia seketika daripada memikirkan perkara yang serius atau isu-isu besar.<sup>20</sup> Jenis yang kedua pula adalah hiburan yang memberikan kesan yang buruk kepada manusia seperti menyemai sifat suka membuang masa dan mengabaikan tanggungjawab hidup.<sup>21</sup> Manakala jenis yang ketiga adalah hiburan yang memberikan kesan yang baik seperti menyemai sifat suka melakukan kerja-kerja kebajikan dan melatih manusia berhadapan dengan kesukaran.<sup>22</sup>

---

<sup>17</sup> M. Walid Jadda' (1989), *al-Mawqif min Sīnemā Islāmīyah*, Cairo: Dār al-Wafā' Li al-Ṭibā`ah wa al-Nasyr, Hlm. 15.

<sup>18</sup> *Ibid.*, Hlm. 11-12.

<sup>19</sup> Muṣṭafā al-Khin & Muṣṭafā al-Bughā (2000), *Fiqh al-Manhajī*, Damsyik: Dār al-Qalam, Hlm. 521.

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> *Ibid.*, Hlm. 521-522.

Islam mempunyai kriterianya yang tersendiri yang dapat dijadikan pengukur atau pedoman bagi menentukan halal dan haramnya sesuatu seni dan hiburan itu.<sup>23</sup> Kriteria yang pertama ialah seni dan hiburan yang tidak membawa kebaikan dan keburukan kepada individu dan masyarakat, hukumnya adalah makruh.<sup>24</sup> Seterusnya kriteria yang kedua ialah seni dan hiburan yang membawa keburukan kepada individu dan masyarakat, hukumnya adalah haram.<sup>25</sup> Manakala kriteria yang ketiga ialah seni dan hiburan yang membawa kebaikan kepada individu dan masyarakat, seni dan hiburan jenis ini diharuskan.<sup>26</sup> Berdasarkan kriteria baik dan buruk inilah berlakunya hukum halal dan haramnya sesuatu seni dan hiburan dalam Islam. Seni dan hiburan yang terangkum dalam kriteria baik adalah halal dan yang sebaliknya adalah haram.<sup>27</sup>

#### **2.4 FILEM SEBAGAI HASIL SENI DAN HIBURAN**

Filem pada dasarnya adalah medium hiburan yang datang dari Barat.<sup>28</sup> Hiburan adalah elemen yang penting dalam filem. Ini kerana filem telah diangkat sebagai medium hiburan yang mudah dan murah. Di Hollywood filem dianggap sebagai bahan industri kilang fantasi untuk tujuan hiburan penonton.<sup>29</sup> Bagi masyarakat Malaysia menonton filem adalah aktiviti hiburan yang dianggap murah berbanding dengan aktiviti hiburan yang lain. Hal ini tentulah menepati dengan konsep

---

<sup>23</sup> Abdul Ghani Samsudin et al. (2001), *Op. Cit.*, Hlm. 21.

<sup>24</sup> Muṣṭafā al-Khin & Muṣṭafā al-Bughā (2000), *Op. Cit.*, Hlm. 521.

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> Abdul Ghani Samsudin et al. (2001), *Op. Cit.*, Hlm. 22.

<sup>28</sup> A.Wahab Hamzah (2005), “*Penyelesaian Islam Dalam Filem Tempatan*”, (Kertas Persidangan Seminar Kebangsaan Pemikiran Kebudayaan dan Islam di Kuala Lumpur, 18-20 November 2005), Hlm.1.

<sup>29</sup> *Ibid.*, Hlm. 11.

pengeluaran filem sebagai “*mass production entertainment*”. Konsep pengeluaran dan pemasaran ini secara langsung telah membentuk konsep naratif filem-filem Hollywood.<sup>30</sup>

Selain sebagai elemen hiburan filem juga merupakan sebuah produk dari sebuah gerakan projek seni.<sup>31</sup> Hasil karya seninya menggabungkan pelbagai unsur dari sastera ke teater, dari seni bina ke fotografi hingga ke teknologi digital. Filem yang asalnya adalah produk sebuah makmal mekanikal menjadi sebuah karya seni yang menggabungkan kreativiti, teknologi dan kompleksiti dunia dagang.<sup>32</sup>

Filem juga merupakan sebahagian daripada seni media baru yang bersifat *trans-avant-garde*<sup>33</sup> atau kepelbagaian bentuk *avant-garde*<sup>34</sup> yang menjadi salah satu bentuk manifestasi seni moden yang sangat dinamik di Barat pada awal abad ke-20.<sup>35</sup> Seni *avant-garde* meneroka motif dan estetika visual yang terdiri daripada produk mesin dan kejuruteraan. Sementara seni *trans-avant-garde* pula memperlihatkan pelbagai kehairahan seniman dalam melahirkan bahan atau media, rupa bentuk dan

---

<sup>30</sup> *Ibid.*, Hlm.1-2

<sup>31</sup> Hasan Hayastani (2009), “*Filem Sebagai Ar-Risalah: Metamorfosis Sinema Melayu*”, (Kertas Persidangan Seminar Forum Sastera Popular Islam di Pusat Dagangan Dunia Putra, 26 April 2009), Hlm. 3.

<sup>32</sup> *Ibid.*, Hlm.1.

<sup>33</sup> *Trans avant garde* adalah versi Itali, satu transformasi seni yang melanda Itali dan seluruh Eropah Barat pada tahun lewat 1970-an dan 1980-an. Ia adalah istilah yang dicipta oleh pengkritik seni Itali, Achille Bonito Oliva. Transformasi ini menolak seni konsep dan memperkenalkan semula emosi ke dalam lukisan, seni lukis dan seni arca. Mereka ini menghidupkan semula seni kiasan dan simbolisme. Antara artis-artis berikut adalah Sandro Chia, Francesco Clemente, Enzo Cucchi, Nicola de Maria dan Mimmo Paladino.

<sup>34</sup> Bentuk kata sifat digunakan dalam bahasa Inggeris untuk merujuk kepada orang atau karya yang eksperimental atau inovatif, terutama penghormatan kepada seni, kultur, dan politik atau apa yang diterima sebagai norma dalam suatu kebudayaan.

<sup>35</sup> Ismail Abdullah (2009), *Op. Cit.*, Hlm. 123.

estetika moden yang berkaitan rapat dengan industri, perkilangan, komersialisme dan bahan atau media kontemporari dan unik.<sup>36</sup>

Bagi Muḥammad Quṭb melihat filem sebagai suatu hasil seni yang terpisah dari kesenian Islam. Kesenian tersebut haram bukan kerana disebabkan zatnya haram, tetapi sebaliknya kerana dari segi kandungannya yang terdedah dan menyeleweng jauh dari suasana Islam. Walau bagaimanapun, filem masih seperti seni-seni yang lain ia boleh menjadi kesenian Islam apabila sesuai dengan objektif syariah.<sup>37</sup>

Manakala Ḥasan Abū Ghanīmah pula melihat media filem seperti seni-seni yang lain, bahkan ia tergolong di dalam seni yang mempunyai penyebaran yang lebih luas dan berkesan. Selain itu ia mampu memainkan peranan dalam penerapan fahaman Islam dan tamadunya.<sup>38</sup>

Seterusnya Jalāl al-Syarqāwī berpendapat bahawa media filem merupakan kesenian yang paling senang dicapai dan mampu menjadi hujah atau bukti yang terkuat untuk meyakinkan. Oleh itu media filem yang memenuhi objektif syariat mampu membantu meneruskan dakwah Islam.<sup>39</sup>

Kesimpulannya filem sebagai sebuah karya seni merangkumi elemen hiburan. Tetapi sebagai karya seni juga, filem perlu mampu mengangkat pemikiran. Di sini letaknya peranan naratif yang berciri dan berjiwa Islam dalam filem, mengemukakan unsur

---

<sup>36</sup> *Ibid.*


<sup>37</sup> Muḥammad Quṭb (1980), *Manāhij al-Fann al-Islāmī*, Cairo: Dār al-Syurūq, Hlm. 136.

<sup>38</sup> M. Walid Jadda' (1989), *Op. Cit.*, Hlm. 12-14.

<sup>39</sup> *Ibid.*, Hlm. 16.

hiburan tetapi pada masa yang sama membawa pemikiran yang mampu menggerakkan penontonnya berfikir ke arah kebaikan.

## 2.5 PROSES PENERBITAN FILEM ISLAM



**Jadual 2.1**

Pengertian dan konsep filem Islam sebagai 'produk halal' perlu dilihat secara menyeluruh bermula daripada proses pra penerbitannya hinggalah kepada proses tontonannya. Ia tidak harus dilihat daripada aspek kandungan atau pengisian dan garapan sahaja. Ia perlu menjangkau kepada proses sebelum, semasa dan sesudah sesebuah filem itu dihasilkan dan seterusnya proses sebelum ia masuk ke panggung atau diedarkan untuk tontonan khalayak.<sup>40</sup>

Sekiranya proses yang dibuat itu baik maka hasilnya adalah baik. Oleh itu, dalam hubungan ini sesebuah filem Islam yang dibuat secara keseluruhan perlulah

<sup>40</sup> Naim Haji Ahmad (2010), *Op. Cit.*, Hlm. 46.



bersandarkan kepada kod etika dan nilai Islam dalam proses pra penerbitan, proses penggambaran dan pasca penerbitan sehinggalah ke hasil penerbitan.<sup>41</sup> Ini bersesuaian dengan takrif yang diberikan oleh Naim Haji Ahmad, filem Islam adalah sebuah hasil seni, berbentuk ‘produk halal’, dihasilkan bermula dengan nama Allah dan niat baik melalui proses pra penerbitan, penerbitan dan pasca penerbitan dengan pengisian dan garapan bersandarkan kod etika dan nilai Islam sehinggalah kepada proses edaran, tayangan dan tontonan khalayak bertujuan menerapkan nilai murni, menyebarkan dakwah Islamiah dan menegakkan amar makruf nahi mungkar.<sup>42</sup>

### 2.6.1 Proses Pra Penerbitan

Fasa pertama dikenali sebagai pra penerbitan. Fasa ini adalah fasa dalam menyediakan dan memilih bahan-bahan mentah yang tepat dan sesuai seperti skrip, idea, dana, lesen atau keizinan membuat penggambaran, membentuk tatacara kerja, pemilihan lokasi serta artis, kru-kru, muzik dan sebagainya.<sup>43</sup> Dalam fasa ini perkara utama adalah niat kerana Allah s.w.t.,<sup>44</sup> serta bertujuan menjadikan filem tersebut sebagai pendidikan yang mampu mengajak penonton mematuhi dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.<sup>45</sup>

Dalam pemilihan skrip, pemilihan perlu dibuat pada skrip yang berkualiti, menarik, mempunyai unsur kesenian dan halal. Jika terdapat skrip yang mengandungi hujah

---

<sup>41</sup> *Ibid.*, Hlm. 47.

<sup>42</sup> \_\_\_\_\_ (2008), *Op. Cit.*

<sup>43</sup> \_\_\_\_\_ (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 47.

<sup>44</sup> \_\_\_\_\_ (2008), *Op. Cit.*, Hlm. 8.

<sup>45</sup> \_\_\_\_\_ (2006), *Pembudayaan Budaya Filem dalam Pendidikan: Filem dari Aspek Aplikasi*, dalam Naim Haji Ahmad (Eds.), *Bicara Media 1*, Cet. 1, Nilai: Penerbit KUIM, Hlm. 10.

syarak ia perlu disertakan dengan ayat Quran, hadis, kata-kata ulama muktabar atau nama-nama kitab yang menjadi rujukan.<sup>46</sup> Manakala dalam pemilihan sutradara atau pelakon perlu mencari mereka yang bersesuaian dan mampu menghasilkan filem yang baik serta dengan cara yang halal.<sup>47</sup>

Manakala dalam pemilihan lokasi atau latar belakang pula ia perlu yang bersesuaian serta tiada unsur-unsur yang boleh mengaibkan agama Islam mahupun sesiapa sahaja.<sup>48</sup> Selain itu penulis skrip, pelakon dan sutradara perlu menanamkan disiplin diri dalam mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan. Sama ada dari sudut syarak mahupun dari penapis filem.<sup>49</sup>

## **2.6.2 Proses Penerbitan dan Post Penerbitan**

Fasa kedua adalah proses penerbitan dan post penerbitan, ia juga dikenali sebagai proses penggambaran.<sup>50</sup> Fasa ini adalah proses pembikinan filem atau penguli bahan-bahan mentah sehingga terhasilnya sesuatu produk. Dalam fasa ini pengkarya perlu tahu bagaimana cara untuk menguli bahan-bahan dalam fasa pertama mengikut kadar dan peraturan yang tepat, dengan kata lain tiada bahan campuran larangan hingga merosakkan bahan ulian tersebut. Jika ulian sebelum ini adalah cantik dan tepat maka hasilnya adalah baik, jika tidak hasilnya adalah sebaliknya.

---

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> \_\_\_\_\_ (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 83.

<sup>48</sup> Fadlan Mohd Othman (2011), *Industri Lakonan dan Perspektif Islam*, dalam Mohd Adib Mohd Sidek (Eds), *Majalah I*, Shah Alam: Grup Majalah Karangraf Sdn. Bhd., Hlm. 19.

<sup>49</sup> *Ibid.*, Hlm. 83.

<sup>50</sup> *Ibid.*, Hlm. 48.

Semasa proses penggambaran ini, ada beberapa perkara yang perlu dijaga seperti tidak membuka aurat, menjaga pergaulan artis serta tidak berlaku sebarang persentuhan di antara artis lelaki dan wanita yang bukan *mahram*<sup>51</sup> dalam berlakon mahupun di luar penggambaran. Selain itu dialog yang dilontarkan tidak menyalahgunakan ayat Quran atau hadis bagi menarik perhatian orang ramai.<sup>52</sup> Tidak memutarbelitkan fakta-fakta agama dalam dialog ataupun dalam lakonan, serta tidak menghina atau memburuk-burukan kesucian agama Islam, institusi Islam, pendidikan, ulama atau golongan agamawan dan adat budaya setempat.<sup>53</sup> Oleh itu lakonan dan dialog tersebut tidak boleh melanggar syariat Islam<sup>54</sup> dan perlu mematuhi undang-undang serta perlembagaan Negara.<sup>55</sup>

Manakala dari segi watak dan perwatakan pula pelakon tidak boleh melakonkan watak yang boleh merosakkan akidah<sup>56</sup> seperti artis yang beragama Islam melakonkan upacara perkahwinan agama Hindu atau seorang kafir.<sup>57</sup> Pelakon juga tidak boleh melakonkan watak sebagai para rasul, nabi, sahabat, isteri nabi<sup>58</sup> dan syaitan<sup>59</sup> serta mengejek-ejek atau mempersendakan ulama Islam atau ahli keilmuan

---

<sup>51</sup> Muḥammad Rāsyid Reḍā (1970), *Fatāwā al-Imām Muḥammad Rāsyid Reḍā*, Ṣalāh al-Dīn al-Munjid (Eds.), Beirut: Dār al-Kitāb al-Jadīdah, Hlm. 549-554.

<sup>52</sup> Mohd Yusof Hussain (1988), *Peranan Media Massa dalam Menyampaikan Risalah Islam*, Cet. 1, Serdang: Universiti Pertahanan Malaysia, Hlm. 5.

<sup>53</sup> Abdullah Yusof (2000), Industri Hiburan dalam Islam: Analisis Dari Sudut Persejarahan Awal dan Penilaian Hukum, dalam *Jurnal Syariah*, Jil. 8, Bil. 1, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Hlm. 37.

<sup>54</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*, Hlm. 267.

<sup>55</sup> Naim Hj Ahmad (2011), *Op. Cit.*, 189.

<sup>56</sup> *Ibid.*

<sup>57</sup> Fadlan Mohd Othman (2011), *Op. Cit.*

<sup>58</sup> Islam Online, dalam [http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?pagename=IslamOnline-Arabic-Ask\\_Scholar/FatwaA/FatwaA&cid=1122528621302](http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?pagename=IslamOnline-Arabic-Ask_Scholar/FatwaA/FatwaA&cid=1122528621302), Diambil pada 28 November 2012.

<sup>59</sup> Fadlan Mohd Othman (2011), *Op. Cit.*

Islam.<sup>60</sup> Malah pelakon juga tidak boleh melakukan aksi ciuman, berasmara, adegan seks,<sup>61</sup> berpakaian seksi atau berbogel, unsur-unsur syirik,<sup>62</sup> melakukan watak berlainan jantina, praktikal ibadah dengan cara yang tidak betul<sup>63</sup> dan tidak mendatangkan kecederaan atau kemudaratan<sup>64</sup> terhadap pelakon mahupun kepada makhluk-makhluk lain. Secara keseluruhannya proses ini perlu terhindar dari unsur-unsur syubhah dan segala perkara yang telah jelas pengharamannya.<sup>65</sup>

### 2.6.3 Pasca Penerbitan

Fasa ketiga pula adalah fasa pasca penerbitan. Fasa ini merupakan proses sesudah filem itu siap, khususnya proses penilaian dan pratonton yang biasanya melibatkan media dan pihak-pihak tertentu sebelum filem tersebut diedarkan untuk tontonan khalayak.<sup>66</sup> Proses ini bertujuan bagi menilai produk yang telah dihasilkan dari ulian sebelum ini agar ia benar berkualiti dan bersih dari unsur-unsur yang tidak diizinkan sebelum ia diedarkan kepada penonton.

Dalam konteks di Malaysia proses pasca penerbitan ini adalah ‘proses penapisan filem’. Proses ini dilakukan oleh Lembaga Penapis Filem Malaysia (LPF). Secara umumnya proses penapisan ini dilakukan ke atas filem-filem tempatan dan mahupun luar yang ingin ditayangkan di Malaysia bagi menjaga keselamatan negara dan

---

<sup>60</sup> Abdullah Yusof (2000), *Op. Cit.*

<sup>61</sup> *Ibid.*

<sup>62</sup> Engku Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamsudin (1992), *Konsep Seni dalam Islam*, Cet.1, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Hlm. 51.

<sup>63</sup> Fadlan Mohd Othman (2011), *Op. Cit.*

<sup>64</sup> Abdullah Yusof (2000), *Op. Cit.*, Hlm. 38.

<sup>65</sup> Muḥammad Rāsyid Reḍā (1970), *Op. Cit.*

<sup>66</sup> Naim Haji Ahmad (2001), *Op. Cit.*, Hlm. 52.

kehormatan kaum serta melindungi kepentingan negara dan rakyat daripada pengaruh buruk dan unsur-unsur negatif yang mungkin dipaparkan di dalam sesetengah filem yang tidak selaras dengan tuntutan prinsip-prinsip Rukun Negara. Kemasukan filem-filem luar tidaklah diharamkan sama sekali tetapi ia haruslah bersesuaian dengan iklim, suasana dan budaya negara ini.<sup>67</sup>

Maka dengan itu filem yang telah menjalani proses penggambaran perlu dinilai dan ditapis agar ia bersih dari unsur-unsur seperti perkara yang boleh membangkitkan hawa nafsu<sup>68</sup> atau kelalaian kepada penonton, mendorong perlakuan jenayah, merosakkan minda masyarakat, fitnah yang keterlaluan,<sup>69</sup> kegilaan, kefasiqan<sup>70</sup> dan perkara-perkara yang bertentangan dengan akidah, syarak dan kesopanan Islam.<sup>71</sup> Jika mana-mana filem tidak mampu mematuhi dan mengawalinya maka kunjungan ke pawagam adalah haram khususnya buat orang Islam.<sup>72</sup>

#### 2.6.4 Hasil Penerbitan

Fasa terakhir adalah fasa hasil penerbitan. Fasa ini juga dikenali sebagai proses edaran, tayangan dan tontonan. Fasa ini yang menentukan kesan filem tersebut. Jika ia benar-benar memenuhi piawaian yang ditetapkan maka filem itu mampu membawa prinsip dakwah Islam iaitu amar makruf nahi mungkar.<sup>73</sup>

---

<sup>67</sup> *Ibid.*, Hlm. 189.

<sup>68</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī (1997), *Op. Cit.*

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> Abdullah Yusof (2001), *Op. Cit.*

<sup>71</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī (1997), *Op. Cit.*

<sup>72</sup> *Ibid.*

<sup>73</sup> Naim Haji Ahmad (2008), *Op. Cit.*, Hlm. 3.

Dalam proses edaran perkara yang perlu dijaga adalah dari cubaan mengambil kesempatan dengan membuat rakaman kembali untuk mengaut keuntungan melalui kegiatan ‘cetak rompak’. Perkara ini bertentangan dengan kod etika dan nilai keislaman serta menyalahi undang-undang negara terutama yang berkaitan dengan cetak rompak.<sup>74</sup>

Manakala di peringkat tayangan filem pawagam pula, perkara yang perlu dijaga adalah tiada percampuran di antara lelaki dan wanita serta pergaulan bebas yang melampau sehingga menimbulkan fitnah dan terjadinya perkara syubhah.<sup>75</sup> Selain itu penonton juga tidak boleh meremehkan perkara yang utama dan wajib hanya alasan menonton filem. Contoh mengabaikan solat Maghrib hanya kerana cerita di pawagam sedang ditayangkan.<sup>76</sup>

Seterusnya di peringkat tontonan, filem mampu menjadi risalah Islam<sup>77</sup> yang berkesan dalam menyampaikan dakwah serta mengajak manusia kepada Allah s.w.t. termasuk ajaran Rasulullah s.a.w. Ia bukan sahaja dapat memberi faedah yang amat berguna pada umat Islam seluruhnya, malah ia dapat memberi peluang kepada golongan yang bukan beragama Islam bagi memahami agama Islam.<sup>78</sup> Selain itu mereka dapat merasai keinsafan, melahirkan sifat keampunan, kesedaran diri dan keseronokan yang halal.<sup>79</sup>

---

<sup>74</sup> \_\_\_\_\_ (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 61.

<sup>75</sup> Muḥammad Rāsyid Reḍā (1970), *Op. Cit.*


<sup>76</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

<sup>77</sup> Mohd Yusof Hussain (1988), *Op. Cit.*, Hlm. 7.

<sup>78</sup> Noor Shakirah Mat Akhir (2006), *Op. Cit.*

<sup>79</sup> Hassan Hayastani (2009), *Op. Cit.*, Hlm. 8.

## 2.6 ELEMEN-ELEMEN DALAM FILEM ISLAM



**Jadual 2.2**

Sesebuah filem dihasilkan menerusi beberapa elemen. Terdapat empat elemen penting yang mesti ada dalam sesebuah filem iaitu teks, watak, lokasi dan penonton.<sup>80</sup> Menurut Naim Haji Ahmad, sesebuah drama hanya dapat dikatakan sebagai drama jika ia memiliki teks, pelakon, latar dan penonton. Ini kerana drama tanpa teks sama ada dalam bentuk dialog atau gerak-gerak yang mempunyai makna, bukanlah drama tetapi pernyataan yang ‘merapu tanpa tujuan’ dan jika drama tanpa penonton akan menjadi drama itu bersifat ‘syok sendiri’. Manakala drama tanpa pelakon ibarat jasad yang tidak berotak untuk berfikir.<sup>81</sup>

<sup>80</sup> Naim Haji Ahmad (2011), *Op. Cit.*

<sup>81</sup> *Ibid.*

### 2.5.1 Teks

Elemen utama dalam sebuah filem ialah teks filem<sup>82</sup> tanpa teks tiada filem<sup>83</sup>, kerana ia diumpamakan sebuah bangunan yang dibina berdasarkan pelan.<sup>84</sup> Oleh itu teks filem merupakan salah satu unsur yang membantu pembentukan filem kerana teks mencerminkan kandungan sesebuah filem.<sup>85</sup> Kualiti sesebuah teks menentukan sama ada filem itu baik ataupun tidak bermutu.<sup>86</sup>

Teks boleh ditakrifkan sebagai cetusan idea daripada pemikiran atau ilham seseorang penulis.<sup>87</sup> Dikarang menjadi sebuah teks naskhah dan seterusnya diterjemahkan ke dalam bentuk realiti mengikut daya kredibiliti dan kreativiti seorang pengarah. Pada tahap ini, pengarah akan memastikan setiap plot yang dihasilkan dapat membentuk sebuah jalan yang menarik dengan dibantu gerakan kamera, ambilan syot dan perkara-perkara teknikal.<sup>88</sup> Sebahagian unsur-unsur penting dalam sesebuah teks adalah dialog, visual, audio, muzik dan latar.<sup>89</sup>

Sebagai filem Islam, teks yang dihasilkan perlu bersih dari unsur-unsur yang haram dan bertentangan dengan Islam dari sudut akidah, syariah dan akhlak. Yūsuf al-Qaraḍāwī menegaskan bahawa semua perkara-perkara yang boleh membangkitkan

---

<sup>82</sup> *Ibid.*

<sup>83</sup> E. Dmytryk (1984), *On Screen Directing*, Boston: Focal Press, Hlm. 1.

<sup>84</sup> Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2002), *Dari Idea ke Skrin: Teknik Penerbitan Filem*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, Hlm. 4.

<sup>85</sup> Asiah Sarji et al. (1997), *Keadaan dan Permasalahan Penulisan dan Penulisan Skrip*, Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Hlm. 2.

<sup>86</sup> Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2002), *Op. Cit.*

<sup>87</sup> *Ibid.*

<sup>88</sup> Nursyazrin Nazree Mudeen (2012), *Op. Cit.*

<sup>89</sup> *Ibid.*



hawa nafsu dan mencenderungkan seseorang melakukan perbuatan dosa atau yang boleh membawa kepada berbuat perkara yang ditegah Islam hukumnya adalah haram dan perlu dijauhi.<sup>90</sup> Abdullah Yusof juga menegaskan bahawa agenda-agenda yang ingin ditayangkan dalam sesebuah filem perlu bersih dari berbau hedonisme, kegila-gilaan, kefasiqan dan semua hal yang bertentangan dengan akidah, syariat dan kesopanan Islam.<sup>91</sup>

### 2.5.2 Watak

Watak merupakan antara asas dalam sesebuah lakon layar, kerana ia merupakan nadi dalam sesebuah penceritaan.<sup>92</sup> Watak boleh didefinisikan sebagai suatu representasi seseorang individu mempamerkan suatu perlakuan bagi mewujudkan babak dramatik. Melalui perwatakan watak, penonton boleh mengalami tekanan emosi dan melalui watak perasaan penonton boleh tersentuh seperti merasa sedih, marah, benci dan gembira.<sup>93</sup>

Watak-watak yang dipersembahkan dilakukan oleh pelakon.<sup>94</sup> Seorang pelakon perlu melakonkan apa yang dikehendaki oleh skrip dan yang diarahkan oleh pengarah.<sup>95</sup> Pelakon yang baik dapat menjiwai sesebuah watak dengan berkesan. Pelakon yang prihatin terhadap tugasnya akan membuat penyelidikan watak yang disandangnya di

---

<sup>90</sup> Yūsuf al-Qarāḍāwī (2005), *Fikih Hiburan* (terj.), Cet. 1, Jakarta: Pustaka al-Kauthar, Hlm. 202.

<sup>91</sup> Abdullah Yusof (2000), *Op. Cit.*, Hlm. 38.

<sup>92</sup> *Ibid.*

<sup>93</sup> Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2002), “Kandungan dan Teknik: Unsur-unsur yang Mempengaruhi Filem Tempatan”, Dalam Ramli Mohamed (Eds.), *Sinema dan Penonton Di Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, Hlm. 33.

<sup>94</sup> Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2002), *Op. Cit.*, Hlm. 20.

<sup>95</sup> Naim Haji Ahmad (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 82.

dalam filem. Penyelidikan ini penting bagi memperkukuhkan sesuatu perwatakan. Dengan cara itu dia boleh menjiwai perwatakan tersebut dengan lebih realistik dan berkesan.<sup>96</sup>

Namun begitu setiap watak yang mempamerkan wanita dalam keadaan yang bertentangan dengan syarak iaitu dalam keadaan mendedahkan aurat atau pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan yang bukan *mahram*, hukumnya adalah haram dan dilarang.<sup>97</sup> Selain itu persentuhan dan percampuran antara artis lelaki dan wanita yang bukan *mahram* perlu dielakkan bagi mengelak dari fitnah dan menolak syubhah.<sup>98</sup> Pelakon juga disyaratkan tidak boleh mengganggu atau menyerang secara betul-betul kepada pelakon lain sehingga ia boleh membawa kepada kesusahan atau kemudaratan menurut Islam.<sup>99</sup>

Filem yang mengisahkan para sahabat Rasulullah s.a.w. digalakkan, hal ini kerana ia mempunyai unsur dakwah serta mampu memberi pendidikan kepada penonton.<sup>100</sup> Tetapi para pelakon tidak boleh melakonkan watak-watak ulama Islam atau ahli ilmuwan Islam dengan cara yang salah, hodoh dan menampakkan kebodohan atau dengan keadaan mengejek-ejek serta mempersendakan mereka kerana penampilan watak sebegitu akan menghina dan merendahkan keperibadian ulama sebenar, tambahan lagi ulama telah pun bersepakat dalam masalah ini hukumnya adalah haram.<sup>101</sup> Malah dengan tegas Imam Aḥmad bin Ḥanbal dan mereka yang sependapat

---

<sup>96</sup> Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2002), *Op. Cit.*

<sup>97</sup> Muḥammad Rāsyid Reḍā (1970), *Op. Cit.*

<sup>98</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (2003), *Op. Cit.*, Hlm. 245.

<sup>99</sup> Abdullah Yusof (2000), *Op. Cit.*, Hlm. 38.

<sup>100</sup> *Ibid.*

<sup>101</sup> *Ibid.*, Hlm. 37.

dengannya telah mengkufurkan sesiapa yang menggelar serban orang alim dengan lafaz memperkecil-kecilkan yang bertujuan untuk menghina.<sup>102</sup>

### 2.5.3 Lokasi

Lokasi adalah set penggambaran kejadian bagi semua babak di dalam sesebuah filem. Oleh itu adalah penting untuk kita memberi perhatian kepada aspek penggambaran filem.<sup>103</sup> Set merupakan satu lokasi yang mungkin dibentuk atau dibentuk semula atau merupakan lokasi yang sebenar.<sup>104</sup> Satu set yang baik diukur melalui kesesuaian kepada jalan cerita dan diadunkan dengan sempurna kepada masa dan tempat cerita itu berlaku.<sup>105</sup>

Sebelum sesuatu penggambaran filem dijalankan, lokasi penggambaran mestilah terlebih dahulu ditentukan. Kerja-kerja meninjau lokasi biasanya dilakukan oleh pengurus produksi dan pengarah filem. Dalam sesebuah penerbitan filem yang besar, khidmat agensi pencari lokasi mungkin diperlukan.<sup>106</sup>

Lokasi sesuatu penggambaran yang dipilih haruslah disesuaikan dengan keperluan skrip. Kadangkala skrip terpaksa diubahsuai bagi memberi kelonggaran kepada lokasi yang ditentukan. Biasanya agensi pencari lokasi akan memberi banyak pilihan lokasi yang ditentukan. Dalam hal ini pengarah dibantu sutradara dengan bantuan

---

<sup>102</sup> *Risalah Bil.* (34) Dlm. MKB/6/1982 (Siri : 34/90), Edaran Pejabat Mufti Negara Brunei Darussalam, 4 Ogos 1990, Hlm. 27.

<sup>103</sup> N. M. A. Qurashi (2003), "Mengenal Sebuah Filem", Dalam Ramli Mohamed (Eds.), *Sinema dan Penonton Di Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, Hlm. 6.

<sup>104</sup> *Ibid.*, Hlm. 7.

<sup>105</sup> *Ibid.*

<sup>106</sup> Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2002), *Op. Cit.*, Hlm. 21.

oleh pengarah seni akan membuat penilaian tentang kesesuaian sesuatu lokasi penggambaran. Lokasi penggambaran yang dipilih akan diubahsuai set atau dibina set baru bagi keperluan penggambaran.<sup>107</sup>

Sebagai filem Islam lokasi yang dipilih atau dibentuk perlu terhindar dari unsur-unsur yang menakutkan, mengerikan atau memmeranjatkan penonton,<sup>108</sup> hal ini kerana ia akan memberi kesan negatif kepada perkembangan pemikiran kanak-kanak yang baru meningkat naik. Pemilihan sepatutnya lebih berunsurkan motivasi, pendidikan, dayah, dakwah, menaikkan semangat, keinsafan dan penerangan-penerangan yang berunsur ilmiah.<sup>109</sup>

Selain itu pemilihan lokasi tidak boleh memaparkan set atau prop yang melambangkan agama-agama lain atau seolah-olah memberi konotasi kepada gahnya agama lain sehingga mungkin akan disalah tafsirkan oleh penganut Islam atau penganut bukan Islam sehingga menimbulkan fitnah.<sup>110</sup> Sebagai contoh dalam drama *Natrah* yang dipentaskan di Panggung Negara adalah contoh yang boleh dikatakan. Dalam drama tersebut lambang salib begitu terserlah, kutipan kata-kata daripada *Bible* memenuhi ruang panggung dan di akhir babak drama tersebut tersergam patung *Jesus* yang seolah-olah berada di dalam sebuah gereja.<sup>111</sup>

---

<sup>107</sup> *Ibid.*

<sup>108</sup> Abdullah Yusof (2000), *Op. Cit.*

<sup>109</sup> *Ibid.*

<sup>110</sup> Naim Haji Ahmad (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 109.

<sup>111</sup> *Ibid.*

#### 2.5.4 Penonton

Filem mampu mencerminkan mentaliti sesuatu bangsa. Hal ini kerana konteks filem itu sendiri dihasilkan dengan melibatkan beberapa pihak. Salah satu pihak tersebut adalah orang ramai atau penonton. Sesuatu filem itu dibuat dengan melihat kepada kehendak penonton bukan melihat kepada kehendak pembuat filem.<sup>112</sup> Jika tidak filem ini ibarat seperti syok sendiri.<sup>113</sup>

Penonton filem secara umumnya dianggap sebagai sebahagian daripada orang ramai atau masyarakat yang menonton filem sebagai aktiviti sosialnya. Penonton filem mempunyai hubungan interaksi dengan evolusi estetika filem. Hubungan penonton dan filem ini sebenarnya telah mengundang banyak kesannya terhadap individu, psikologi dan aspek pengalaman estetika.<sup>114</sup>

Pengaruh penonton amat kuat sehingga ia mampu mempengaruhi dalam membentuk sebuah filem. Hubungan antara penonton dan filem boleh memberi kesan yang baik atau sebaliknya. Perubahan terhadap penonton menjadi faktor penentu yang menentukan hala, bentuk dan makna sesebuah filem. Oleh itu konsep cerita, gaya dan struktur yang mempunyai nilai komersial di dalam sesebuah filem perlu disesuaikan dengan mengikut kehendak penonton.<sup>115</sup>

---

<sup>112</sup> Abdul Wahab Hamzah (2003), "Audien: Sikap dan Harapan Audien Filem Malaysia" Dalam Ramli Mohamed (Eds.), *Sinema dan Penonton Di Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, Hlm. 84.

<sup>113</sup> Naim Haji Ahmad (2011), *Op. Cit.*

<sup>114</sup> Abdul Wahab Hamzah (2003), *Op. Cit.*

<sup>115</sup> *Ibid.*, Hlm. 91.


Sebagai seorang penonton mereka perlu tahu dalam memilih filem yang ingin ditonton. Filem yang memberi iktibar kepada masyarakat adalah harus dengan syarat tidak keterlaluan dari sudut akhlak Islam.<sup>116</sup> Jika terdapat unsur-unsur yang bertentangan Islam maka tidak halal bagi seorang Muslim untuk menyaksikannya atau mendukung filem seperti itu. Hal ini kerana mereka termasuk di dalam kategori konspirasi dalam perbuatan dosa serta melahirkan permusuhan.<sup>117</sup>

---

<sup>116</sup> Abdullah Yusof (2000), *Op. Cit.*

<sup>117</sup> Yūsuf al-Qaradāwī (2005), *Op. Cit.*

## 2.7 KAEDAH-KAEDAH ASAS HALAL DAN HARAM



**Jadual 2.3**

Perbincangan kaedah-kaedah asas halal dan haram dalam bahagian ini merujuk kepada penulisan Yūsuf al-Qaraḏāwī dalam bukunya *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Dalam buku tersebut, beliau menggariskan sebelas prinsip asas hukum halal dan haram. Kaedah-kaedah tersebut seperti:

**i) Asal Bagi Setiap Sesuatu Adalah Mubah<sup>118</sup>**  
(الاصل في الاشياء الاباحه)

Jumhur ulama berpandangan bahawa asal setiap sesuatu adalah harus sehingga datangnya dalil atas pengharamannya.<sup>119</sup> Tidak ada satu yang haram melainkan jika ada nas yang sah dan jelas dari syarak yang mengharamkannya. Jika tidak ada nas yang sah misalnya kerana ada sebahagian hadis yang lemah atau tidak ada nas yang sarih (tegas atau jelas) yang menunjukkan haram, maka hal tersebut tetap sebagaimana asalnya iaitu harus.<sup>120</sup>

Asas kaedah ini merujuk kepada hadis:

مَا أَحَلَّ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ فَهُوَ حَلَالٌ وَمَا حَرَّمَ فَهُوَ حَرَامٌ وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ عَفْوٌ  
فَاقْبَلُوا مِنَ اللَّهِ عَافِيَتَهُ فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَكُنْ لِيَنْسَى شَيْئًا

Maksudnya: “Apa saja yang Allah halalkan dalam kitab-Nya, maka ia adalah halal, dan apa sahaja yang Allah haramkan, maka ia adalah haram. Dan apa yang Ia diamkannya, maka hal itu dibolehkan. Oleh kerana itu, terimalah dari Allah kemaafan-Nya itu sesungguhnya Allah tidak akan lupa sedikit pun.”

(Riwayat al-Ḥākim dan al-Bazzar)<sup>121</sup>

<sup>118</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī (1997), *Op. Cit.*, Hlm. 20-23.

<sup>119</sup> Ibrāhīm Muḥammad Maḥmud al-Harīrī (1998), *al-Madkhul Ilā al-Qawā'id al-Fiqhīyyah al-Kullīyyah*, Dār `Umār Li al-Nusyur wa al-Tauzī', Hlm. 169.

<sup>120</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī (1997), *Op. Cit.*, Hlm. 20-21.

<sup>121</sup> Abū Ūthmān Sa'īd bin Mansūr bin Syu'bah al-Khurāsānī al-Jawzjānī (1997), *al-Tafsīr min Sunan Sa'īd bin Mansūr*, Diedit oleh Sa'īd bin `Abd Allah bin `Abd al-`Azīz, Dār al-Samī'ī Li al-Nusyur wa al-Tauzī', Juz. 2, Hlm. 328.



Merujuk juga kepada hadis:

عَنْ سَلْمَانَ الْفَارِسِيِّ، قَالَ: سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ السَّمَنِ، وَالْجُبْنِ، وَالْفِرَاءِ قَالَ: الْحَلَالُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ، وَالْحَرَامُ مَا حَرَّمَ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ، وَمَا سَكَتَ عَنْهُ، فَهُوَ مِمَّا عَفَا عَنْهُ

Maksudnya: “*Daripada Salmān al-Fārisī: Telah ditanya Rasulullah s.a.w. berkaitan hukum minyak, keju dan keldai hutan, maka telah menjawab Baginda: “Halal ialah apa yang telah dihalalkan oleh Allah di dalam kitab-Nya, dan haram ialah apa yang telah diharamkan oleh Allah di dalam kitab-Nya, Dan apa yang didiamkan oleh-Nya, maka ia adalah daripada perkara yang dimaafkan untuk kamu.”*

(Riwayat al-Tirmidhī dan Ibn Mājah)<sup>122</sup>

Dalil ini menjelaskan bahawa mana-mana sesuatu perkara yang tidak disebut hukumnya di dalam syarak, maka hukumnya adalah harus. Melainkan wujudnya dalil-dalil atas pengharamannya.<sup>123</sup>

Kaedah asal ini meliputi soal-soal makanan, perbuatan, adat, mualamat dan lain-lain.<sup>124</sup> Cuma ia tidak terpakai dalam soal-soal ibadah. Ini kerana penetapannya hendaklah melalui jalan wahyu.<sup>125</sup>

Bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ أَحَدَّثَ فِي أَمْرِنَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

Maksudnya: “*Barang siapa yang mengada-adakan satu perkara baru dalam urusan kami yang bukan darinya, maka ia tertolak.*”

(Riwayat al-Bukhārī dan Muslim)<sup>126</sup>

<sup>122</sup> Ibn Mājah Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwaynī (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, Diedit oleh Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī, Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah, Juz. 2, Hlm. 1117.

<sup>123</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*, Hlm. 21.

<sup>124</sup> *Ibid.*, Hlm. 22.

<sup>125</sup> *Ibid.*

<sup>126</sup> Muslim bin al-Hajjāj Abū al-Ḥasan al-Qusyayrī al-Naysābūrī (2003), *Sahīḥ Muslim*, Diedit oleh Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī, Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, Juz. 3, Hlm. 1343.

Dalil ini menjelaskan bahawa sesiapa sahaja yang mereka-reka atau mengada-adakan satu cara peribadatan ia adalah satu kesesatan yang tidak boleh diterima sama sekali. Kerana hanya Allah s.w.t sahaja yang berhak untuk menentukan bentuk dan cara peribadatan untuk mendekatkan diri kepada-Nya.<sup>127</sup>

Oleh yang demikian ulama telah menetapkan satu kaedah iaitu: “*Tidak disyariatkan ibadah melainkan dengan syariat Allah. Tidak diharamkan adat melainkan dengan pengharaman Allah.*”<sup>128</sup>

Jika dihubungkan kaedah ini dengan filem, maka hukum filem pada sifat asalnya adalah harus.<sup>129</sup> Namun ia boleh bertukar haram jika terdapat unsur haram dalam filem tersebut. Sebagai contoh mana-mana filem yang mempamerkan wanita dalam keadaan yang bertentangan dengan syarak iaitu dalam keadaan mendedahkan aurat atau pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan yang bukan *mahram*, maka Syeikh Rasyid Reda berpandangan dengan tegas menyatakan filem sebegini adalah haram.<sup>130</sup>

---

<sup>127</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

<sup>128</sup> Ahmad Sabiq Bin Abdul Lathif Abu Yusuf (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 195.

<sup>129</sup> Siti Ruqayah Tibek (1999), “*Seni Lakonan (Drama, Teater dan Filem) Dari Perspektif Islam*”, (Kertas Persidangan Seminar Kebangsaan Islam dan Rekreasi di Kuala Lumpur, 23-24 September 1999), Hlm. 9.

<sup>130</sup> Muhammad Rasyid Reda (1970), *Op. Cit.*, Hlm. 549-554.

ii) **Menentukan Halal Haram Adalah Hak Allah s.w.t. Semata-mata**<sup>131</sup>  
(التحليل والتحریم حق الله وحده)

Penetapan hukum halal dan haram adalah milik mutlak Allah s.w.t. Tiada manusia yang diberi keistimewaan dan kuasa dalam menetapkan hukum halal dan haram walau setinggi mana pun kedudukan mereka di sisi Allah s.w.t.<sup>132</sup>

Bukan paderi, bukan pendeta dan bukan raja yang memiliki kuasa untuk mengharamkan sesuatu. Barangsiapa yang melakukannya juga, maka dia dianggap telah melanggar garis sempadan yang telah ditetapkan dan dianggap telah menentang hak ketuhanan dalam menetapkan syariat untuk manusia. Dan barangsiapa yang reda terhadap perbuatan ini atau menjadi pengikutnya, maka dia telah menjadikan mereka itu sebagai sekutu Allah s.w.t. Mereka ini dikenali sebagai musyrik.<sup>133</sup>

Firman Allah s.w.t.:

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ اللَّهُ

Maksudnya: "Apakah mereka itu mempunyai sekutu yang mengadakan agama untuk mereka, sesuatu yang tidak diizinkan Allah?"

(*al-Syu'arā'* (26): 21)

---

<sup>131</sup> *Ibid.*, Hlm. 23-26.

<sup>132</sup> *Ibid.*, Hlm. 23.

<sup>133</sup> *Ibid.*, Hlm. 23-24.

Quran telah menceritakan keburukan Ahli Kitab yang menjadikan kuasa menghalalkan dan mengharamkan di tangan paderi-paderi dan pendeta-pendeta mereka.<sup>134</sup>

Firman Allah s.w.t.:

اتَّخَذُوا أَحْبَابَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا لَّا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحٰنَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: "Mereka itu telah menjadikan para paderi dan pendetanya sebagai tuhan selain Allah; dan begitu juga `Īsā bin Maryam (telah dituhankan), padahal mereka tidak diperintah melainkan supaya hanya berbakti kepada Allah Tuhan yang Esa, tiada Tuhan melainkan Dia, Maha Suci Allah dari apa-apa yang mereka sekutukan."

(al-Taubah (9): 31)

Pada suatu ketika `Adī bin Ḥātim telah datang kepada Rasulullah s.a.w. dan waktu itu dia masih beragama Nasrani sebelum memeluk Islam. Apabila beliau mendengar Rasulullah s.a.w. membaca ayat ini, lalu dia berkata: "Wahai Rasulullah s.a.w., mereka tidak menyembah para paderi dan pendeta mereka." Lantas Rasulullah s.a.w. menjawab:

بَلَىٰ إِنَّهُمْ حَرَّمُوا عَلَيْهِمُ الْحَلَٰلَ وَأَحَلُّوا لَهُمُ الْحَرَامَ فَاتَّبَعُوهُمْ فَذٰلِكَ عِبَادَتِهِمْ

Maksudnya: "Tetapi mereka mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram, kemudian para pengikutnya menuruti mereka. Perbuatan demikian itu adalah penyembahan kepada mereka." (Riwayat al-Tirmidhī dan selainnya menganggapnya sebagai Ḥasan)<sup>135</sup>

<sup>134</sup> Ibid., Hlm. 24.

<sup>135</sup> Abū al-Fadāi' Ismā'īl bin `Umar bin Kathīr al-Qarsyī al-Baṣrī (t.t), *Tafsir Ibn Kathīr*, Diedit oleh Muḥammad Ḥussīn Syamsu' al-Dīn, Beirut: Dār al-Kitāb al-`Alamīyah, Juz. 4, Hlm. 119.

Orang Kristian masih lagi menyangka bahawa Nabi `Īsā a.s. ketika dinaikkan ke langit telah memberi kepada para muridnya hak untuk menetapkan halal dan haram sesuka hati. Hal ini ada disebutkan di dalam Injil *Matius* 18:18: <sup>136</sup>

*“Sesungguhnya aku berkata kepada mu, apa sahaja yang kamu ikat di atas muka bumi ini, maka itulah yang akan terikat di syurga. Dan apa yang lepaskan di atas muka bumi ini, maka itulah yang akan terlepas di syurga nanti.”*<sup>137</sup>

Quran juga telah menceritakan kesalahan kaum musyrikin yang menetapkan halal dan haram di luar keizinan-Nya.<sup>138</sup>

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ  
لِتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ ۚ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ

Maksudnya: "Dan jangan kamu berani mengatakan terhadap apa yang dikatakan oleh lidah-lidah kamu dengan dusta; bahawa ini halal dan ini haram, supaya kamu berbuat dusta atas (nama) Allah, sesungguhnya orang yang berani berbuat dusta atas (nama) Allah tidak akan dapat bahagia."

(*al-Naḥl* (16): 116)

Dari ayat Quran dan hadis-hadis ini, para fukaha Islam telah mengenal pasti secara yakin bahawa hanya Allah s.w.t sahajalah yang mempunyai hak mutlak untuk menetapkan halal dan haram di dalam kitab-Nya atau melalui perantaraan lidah rasul-Nya. Dan bukanlah tugas para fukaha ini membuat satu syariat agama untuk manusia, apa yang boleh dan apa yang tidak boleh. Tugas para fukaha ini tidak lebih

---

<sup>136</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

<sup>137</sup> *Ibid.*

<sup>138</sup> *Ibid.*

dari menjelaskan atau menerangkan hukum-hakam Allah sahaja, sama ada yang telah dihalalkan atau yang diharamkan.<sup>139</sup>

Jika kaedah ini difahami dengan sebenar maka tidak timbul tuduhan sesetengah penggiat filem yang menyatakan golongan agamawan sering mengharamkan unsur-unsur dalam filem sehingga mengongkong mereka untuk bebas menghasilkan filem yang berkualiti.<sup>140</sup> Sedangkan yang menghukum adalah Allah s.w.t. manakala tugas golongan agamawan hanya menyampaikan. Hubungan kerjasama antara penggiat filem dengan golongan agamawan amat penting agar tidak terdapat sebarang unsur-unsur haram yang diterapkan dalam sebuah filem.

**iii) Mengharamkan yang Halal dan Sebaliknya Sama dengan Syirik<sup>141</sup>**

(تحريم الحلال وتحليل الحرام قرين الشرك بالله)

Islam mencela mereka yang mudah menghalalkan dan mengharamkan sesuatu perkara. Perbuatan mereka ini akan memberi kongkongan ke atas manusia serta menyempitkan apa yang telah Allah s.w.t. luaskan kepada manusia. Islam memandang dengan begitu serius lebih-lebih lagi ke atas ahli agama yang memang berpengaruh.<sup>142</sup>

---

<sup>139</sup> *Ibid.*, Hlm. 25.

<sup>140</sup> Jez Hazimi (2011), *Op. Cit.*

<sup>141</sup> Yūsuf al-Qaradāwī (1997), Hlm. 26-27.

<sup>142</sup> *Ibid.*, Hlm. 26.

Nabi Muḥammad s.a.w. sendiri telah berusaha untuk membanteras sikap berlebih-lebihan ini dengan segala senjata yang ada. Baginda s.a.w. mengutuk sikap berkenaan iaitu dengan sebagaimana sabdanya<sup>143</sup>:

أَلَا هَلَكَ الْمُتَنَطِّعُونَ. أَلَا هَلَكَ الْمُتَنَطِّعُونَ. أَلَا هَلَكَ الْمُتَنَطِّعُونَ.

Maksudnya: "Ingatlah! Mudah-mudahan binasalah orang yang berlebih-lebihan itu." (3 kali).

(Riwayat Abu Dāwūd)<sup>144</sup>

Baginda s.a.w. telah menjelaskan mengenai risalah yang dibawahnya melalui sabdanya:<sup>145</sup>

بُعِثْتُ بِالْحَنِيفِيَّةِ السَّمْحَةِ

Maksudnya: "Aku diutus dengan membawa suatu agama yang sederhana."

(Riwayat Aḥmad)<sup>146</sup>

Islam adalah agama sederhana yang teguh dalam akidah dan tauhid, serta sederhana dalam urusan pekerjaan dan perundangan. Lawan dari dua perkara ini ialah syirik dan mengharamkan sesuatu yang halal. Kedua-dua sifat ini telah disebut oleh Baginda s.a.w. dalam hadis Qudsinya,<sup>147</sup> Allah s.w.t. telah berfirman:

---

<sup>143</sup> *Ibid.*

<sup>144</sup> Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Asy'at bin Ishāq bin Basyīr bin Syadād bin 'Amrū al-Azdī (2003), Juz. 4, Hlm. 201.

<sup>145</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

<sup>146</sup> Abū 'Abd Allah Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal bin Hilāl bin Asad al-Syaybanī (2001), *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, Diedit oleh Syua'ayb al-Arna'ut, Muassasah al-Risālah, Juz. 36, Hlm. 623.

<sup>147</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

وَإِنِّي خَلَقْتُ عِبَادِي كُلَّهُمْ حُنَفَاءَ، فَآتَتْهُمْ الشَّيَاطِينُ فَاجْتَالَتْهُمْ عَنْ دِينِهِمْ، وَحَرَّمْتُ عَلَيْهِمْ مَا أَحَلَلْتُ، وَأَمَرْتُهُمْ أَنْ يُشْرِكُوا بِي مَا لَمْ أَنْزِلْ بِهِ سُلْطَانًا

Maksudnya: "Aku ciptakan hamba-hamba Ku ini dengan sikap yang lurus, tetapi kemudian datanglah syaitan kepada mereka. Syaitan ini kemudian memalingkan mereka dari agamanya, dan mengharamkan atas mereka sesuatu yang Aku halalkan kepada mereka, serta mempengaruhi supaya mereka menyekutukan Aku dengan sesuatu yang Aku tidak turunkan keterangan padanya."

(Riwayat Muslim)<sup>148</sup>

Oleh itu, mengharamkan yang halal samalah dengan syirik. Hal ini kerana Quran dengan begitu tegas menentang kesyirikan dan penyembahan mereka terhadap patung-patung berhala yang ada pada orang Arab Jahiliah. Juga menentang sikap mereka yang berani mengharamkan ke atas diri mereka perkara-perkara yang baik dan halal sama ada tanaman atau haiwan, sedangkan perbuatan mereka itu di luar dari keizinan Allah s.w.t. Atas sikap inilah mereka telah mengharamkan *al-bahīrah* (unta betina yang dinazarkan untuk berhala), *al-waṣīlah* (kambing yang telah beranak tujuh) dan *al-ḥam* (unta yang bunting membunting sepuluh kali, ini dikhususkan buat berhala).<sup>149</sup>

Di dalam surah *al-ʿAraf* terdapat satu lagi perbincangan di mana Allah s.w.t. telah mengingkari mereka yang melakukan pengharaman berkenaan. Di samping itu Allah s.w.t. menjelaskan juga kaedah-kaedah asas binatang yang diharamkan selamanya.<sup>150</sup>

---

<sup>148</sup> Muʿammar bin Abī ʿAmrū Rāsyad al-Azdī (t.t), *al-Jāmiʿ*, Diedit oleh Habīb al-Rahman al-ʿĀzamī, Beirut: al-Majlis al-ʿĀlamī Bibākistāni, Juz. 11. Hlm. 120.

<sup>149</sup> Yūsuf al-Qaradāwī (1997), *Op. Cit.*, Hlm. 26-27.

<sup>150</sup> *Ibid.*, Hlm. 27.



Firman Allah s.w.t.:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ  
لِلَّذِينَ ءَامَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ  
الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾ قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
بَطَّنَ وَالْإِثْمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَنًا  
وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

Maksudnya: "Katakanlah! Siapakah yang berani mengharamkan perhiasan Allah yang telah diberikan kepada hamba-hamba Nya dan beberapa rezeki yang baik itu? Katakanlah! Tuhanku hanya mengharamkan hal-hal yang tidak baik yang timbul daripadanya dan apa yang tersembunyi dan dosa dan derhaka yang tidak benar dan kamu menyekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak turunkan keterangan padanya dan kamu mengatakan atas (nama) Allah dengan sesuatu yang kamu tidak mengetahui."

(al-'Arāf (7): 32-33)

Perbincangan ini terdapat di dalam surah-surah *al-Makkīyyah* (ayat yang diturunkan di Makkah), yang sentiasa memberi penekanan terhadap kemantapan akidah, tauhid dan hari akhirat. Ia dapat memberi kita petunjuk bahawa masalah ini bukanlah masalah cabang, tetapi ia adalah masalah dasar.<sup>151</sup>

Di kalangan kaum Muslimin di Madinah terdapat beberapa orang yang cenderung untuk berbuat berlebih-lebihan dan mengharamkan diri mereka perkara-perkara yang baik. Oleh itu Allah s.w.t. menurunkan ayat-ayat *muhkamah* (hukum) agar mereka dapat berdiri di atas batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. dan mengembalikan mereka ke jalan Islam yang lurus.<sup>152</sup>

<sup>151</sup> *Ibid.*

<sup>152</sup> *Ibid.*, Hlm. 28.

Firman Allah s.w.t.:

فَبُظِّلِمِ مِّنَ الَّذِينَ هَادُوا حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ طَيِّبَاتٍ أُحِلَّتْ لَهُمْ وَبِصَدِّهِمْ  
عَنِ سَبِيلِ اللَّهِ كَثِيرًا ﴿١٦٠﴾ وَأَخَذَهُمُ الرَّبُّوْا وَقَدَّ بُهُوْا عَنْهُ وَأَكَلِهِمْ أَمْوَالَ  
النَّاسِ بِالْبَاطِلِ ۗ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٦١﴾

Maksudnya: "Hai orang yang beriman: Janganlah kamu mengharamkan yang baik-baik (dari) apa yang Allah telah halalkan buat kamu, dan jangan kamu melewati batas, kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang suka melewati batas. Dan makanlah sebahagian rezeki yang Allah berikan kepada mu dengan halal dan baik, dan takutlah kamu kepada Allah zat yang kamu beriman dengannya."

(*al-Mā'idah* (5): 87-88)

Kepentingan kaedah ini seperti kaedah kedua, ia mampu memberi penjelasan bahawa bukan tugas golongan agamawan untuk menghukum. Bukan mudah untuk mereka menjatuhkan hukum sesuka hati, hal ini berkaitan dengan menjaga akidah. Jika mereka sengaja mengharamkan yang halal atau sebaliknya maka perbuatan tersebut adalah sama dengan syirik. Oleh itu jika kaedah ini juga difahami pasti tidak timbul sebarang keraguan dan salah faham penggiat filem terhadap golongan agamawan.

iv) **Mengharamkan yang Halal akan Berakibat Timbulnya Bahaya**<sup>153</sup>

(التحريم يتبع الخبث والضرر)

Di antara hak Allah s.w.t. sebagai pencipta dan pemberi nikmat yang tiada terhingga banyaknya ialah menetapkan halal dan haram mengikut kehendak-Nya. Dia juga berhak berkehendak menetapkan pembebanan hukum dan syiar-syiar ibadah.

<sup>153</sup> *Ibid.*, Hlm. 28-30.

Manusia sama sekali tidak boleh membangkang atau mengingkarinya. Hal ini adalah kerana hak *uluhiyyah* (ketuhanan) Allah s.w.t. untuk manusia dan kehendak ‘*ubudiyyah* (pengabdian) manusia kepada-Nya.<sup>154</sup>

Namun, Allah s.w.t. Maha Pengasih kepada para hamba-Nya. Bukti kasih-Nya, Allah s.w.t. menjadikan sesuatu itu halal dan sesuatu itu haram dengan ada alasan yang logik (*illah*) di sebaliknya. Alasan-alasan yang wujud di sebalik halal dan haram ini adalah untuk kebaikan manusia sendiri. Oleh itu, Allah s.w.t. tidak menghalalkan sesuatu melainkan yang baik-baik sahaja dan Allah s.w.t. tidak mengharamkan sesuatu melainkan hanya yang keji dan buruk sahaja.<sup>155</sup>

Dengan demikian, dalam Islam pengharaman terhadap sesuatu yang halal akan mengakibatkan keburukan dan kemudaratan. Menurut Islam, apa yang benar-benar memberi mudarat, ia adalah haram. Sebaliknya apa yang benar-benar baik, ia adalah halal. Apa yang kemudaratanya lebih besar dari kemanfaatan, maka ia adalah haram. Sebaliknya, apa yang manfaatnya lebih besar, maka ia adalah halal. Perkara ini telah dijelaskan di dalam Quran mengenai *khamar* dan judi.<sup>156</sup>

Firman Allah s.w.t.:

﴿ يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ  
لِّلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَّفْعِهِمَا ۗ ﴾

---

<sup>154</sup> *Ibid.*, Hlm. 28.

<sup>155</sup> *Ibid.*

<sup>156</sup> *Ibid.*, Hlm. 29.

Maksudnya: "Mereka menanyakan kepadamu (Muhammad) tentang hukum arak dan berjudi, maka jawablah: bahawa keduanya itu ada suatu dosa yang besar, di samping dia juga bermanfaat bagi manusia, tetapi dosanya lebih besar daripada manfaatnya."

(*al-Baqarah* (2): 219)

Ia menjadi suatu jawapan yang begitu jelas sekali, apabila ditanya mengenai perkara yang halal di dalam Islam. Maka jawabannya ialah ia adalah perkara yang baik-baik. Maksudnya, ia adalah perkara-perkara yang dianggap baik oleh jiwa yang normal dan dapat diguna pakai oleh semua manusia. Tanggapan begini tidak timbul hasil dari pengaruh adat dan tradisi.<sup>157</sup>

Firman Allah s.w.t.:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ

Maksudnya: "Mereka akan bertanya kepadamu (Muhammad) tentang apa saja yang diharamkan untuk mereka? Maka jawablah: semua yang baik adalah diharamkan buat kamu."

(*al-Mā'idah* (4): 4)

Bukanlah menjadi satu kemestian bagi seorang Muslim untuk mengetahui secara terperinci perkara-perkara yang keji atau yang memudaratkan yang kerana itulah Allah s.w.t. mengharamkannya. Ia tidak semestinya diketahui secara satu-persatu, kerana ada kala ia tidak kelihatan tetapi kelihatan pada orang lain. Ada kala juga perkara yang keji itu tidak tersingkap pada suatu zaman, tetapi ia terbongkar pada zaman akan datang. Oleh itu, yang menjadi kewajipan atau kemestian bagi seorang Muslim ialah sentiasa mengucapkan:<sup>158</sup>

---

<sup>157</sup> *Ibid.*

<sup>158</sup> *Ibid.*

سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا<sup>ط</sup>

Maksudnya: "Kami dengar dan kami taat."

(*al-Baqarah* (2) : 285)

Sebagai contoh dalam pengharaman babi, tidaklah orang Islam tahu apakah alasan (*illah*) pengharaman itu melainkan kerana ia kotor dan jijik. Kemudian dengan perkembangan kemajuan zaman, maka tersingkaplah rahsia pengharaman berkenaan. Baru dapat diketahui bahawa di dalam daging babi itu ada cacing dan bakteria yang membunuh.<sup>159</sup>

Seandainya tidak tersingkap pengetahuan mengenai rahsia di sebalik pengharaman babi, ataupun tersingkap lebih dari apa yang disebutkan tadi, maka seorang Muslim akan tetap berpegang teguh bahawa ia tetap najis.<sup>160</sup>

Dalam contoh yang lain, sabda Rasulullah s.a.w.:

اتَّقُوا الْمَلَاعِينَ الثَّلَاثَ: الْبِرَازَ فِي الْمَوَارِدِ، وَالظِّلَّ، وَقَارِعَةَ الطَّرِيقِ

Maksudnya: "Takutlah kamu kepada tiga macam laknat (tiga perkara yang menyebabkan seseorang mendapat laknat Allah), iaitu: buang air besar di tempat mata air, di jalan besar dan di bawah pohon (yang biasa dipakai berteduh)."

(Riwayat Abu Dāwūd, Ibn Mājah, Ḥākim dan Bayhaqī)<sup>161</sup>

Pada kurun pertama, manusia hanya sekadar mengetahui bahawa ia adalah sesuatu yang keji. Perasaan yang sihat dan tatasusila secara umumnya tidak dapat menerimanya. Namun apabila ilmu pengetahuan bertambah maju, maka

---

<sup>159</sup> *Ibid.*, Hlm. 30.

<sup>160</sup> *Ibid.*

<sup>161</sup> Ibn Mājah Abū `Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwaynī (t.t), *Op. Cit.*, Juz. 1, Hlm.119.

tersingkaplah bahawa “tiga laknat” itu dapat membahayakan kesihatan umum. Ia merupakan punca utama penyebaran wabak penyakit kanak-kanak yang berbahaya seperti *anchylostoma* dan *bilharzia*.<sup>162</sup>

Begitulah keadaannya apabila cahaya ilmu semakin terpancar, kita semakin berpeluang untuk mengetahui apa yang ada di sebalik penghalalan dan pengharaman di dalam Islam dan juga apa sahaja yang disyariatkan oleh-Nya. Bagaimana tidak, hukuman tersebut disyariatkan oleh Tuhan Yang Maha Mengetahui lagi Bijaksana serta Maha Pengasih kepada hamba-Nya.<sup>163</sup>

Jika dihubung dengan filem, sebagai contoh tegahan melakonkan watak murtad atau kafir. Fadlan Mohd Othman dengan tegas mengharamkan watak sebegini.<sup>164</sup> Hal ini kerana kemudaratan melakonkan watak ini boleh merosakkan akidah, sedangkan akidah yang dimiliki oleh setiap individu Muslim wajib dipelihara dengan sebaik-baiknya.<sup>165</sup> Malah setiap individu Muslim perlu mengetahui dan mengenal pasti perkara-perkara yang boleh membatalkan akidah sama ada dari segi perbuatan, perkataan dan iktikad.<sup>166</sup> Bersesuaian dengan salah satu *maqāṣid al-syarī'ah* iaitu menjaga agama.<sup>167</sup>

---

<sup>162</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *Op. Cit.*

<sup>163</sup> *Ibid.*

<sup>164</sup> Fadlan Mohd Othman (2011), *Op. Cit.*

<sup>165</sup> Abdullah Sabiq et al. (2011), *Op. Cit.*, Hlm. 96

<sup>166</sup> *Ibid.*, Hlm. 97.

<sup>167</sup> Yūsuf Aḥmad Muḥammad al-Badwī (2000), *Maqāṣid al-Syarī'ah 'Inda Ibn Taimiyah*, al-Nāsyir : Dār-Nafāis, Hlm. 63

v) **Setiap yang Halal Tidak Memerlukan yang Haram**<sup>168</sup>  
(في الحلال ما يغني عن الحرام)

Salah satu kebaikan Islam dan kemudahannya kepada manusia ialah Islam tidak akan mengharamkan sesuatu melainkan ia digantikan dengan sesuatu yang lebih baik yang dapat memenuhi keperluan itu. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ibn al-Qayyim:<sup>169</sup>

1. Allah s.w.t. mengharamkan menilik nasib dengan membahagi-bahagikan daging kepada *azlam*,<sup>170</sup> tetapi Allah s.w.t. menggantikan dengan doa istikharah.
2. Allah s.w.t. mengharamkan riba, tetapi Allah s.w.t. menggantikan dengan menghalalkan perniagaan yang menguntungkan.
3. Allah s.w.t. mengharamkan judi, tetapi Allah s.w.t. menggantikan dengan menghalalkan perolehan harta melalui pertandingan yang ada manfaatnya untuk agama seperti berlumba kuda, unta dan memanah.
4. Allah s.w.t. mengharamkan sutera, tetapi Allah s.w.t. menggantikan dengan menghalalkan jenis-jenis pakaian yang mahal sama ada dari bulu dan kapas.
5. Allah s.w.t. mengharamkan zina dan liwat, tetapi Allah s.w.t. menggantikan dengan menghalalkan perkahwinan.
6. Allah s.w.t. mengharamkan meminum khamar, tetapi Allah s.w.t. menggantikan dengan menghalalkan minuman-minuman yang lazat serta yang memberi faedah untuk roh dan tubuh badan.

---

<sup>168</sup> *Ibid.*, Hlm. 30-31.

<sup>169</sup> *Ibid.*

<sup>170</sup> Tiga batang kayu untuk dipakai mengetahui nasib, dengan jalan mengundinya. Tiga batang kayu itu masing-masing diberi tanda (1) tertulis "*aku diperintah Tuhan*". (2) tertulis "*aku dilarang Tuhan*". (3) kosong.

7. Allah s.w.t. mengharamkan makanan-makanan yang tidak baik, tetapi Allah s.w.t. menggantikan dengan menghalalkan sejumlah makanan yang baik-baik.

Begitulah jika kita patuh kepada semua hukum Allah s.w.t, kita akan dapati bahawa Allah s.w.t. tidak akan mengharamkan sesuatu, melainkan di situ juga dibuka suatu keluasan dari segi lain. Hal ini kerana Allah s.w.t. tidak mengehendaki hamba-hamba-Nya merasa sempit, susah dan takut. Malah sebaliknya Allah s.w.t. mengehendaki hamba-hamba-Nya merasa senang, mudah, beroleh kebaikan, petunjuk dan rahmat.<sup>171</sup>

Firman Allah s.w.t.:

يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ الَّذِي كَفَرْتُمْ وَيُخَفِّفَ عَنْكُمْ حُمُلَهُمْ ۗ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَالِمُ الْغُيُوبِ ۝  
وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٢٦﴾ وَاللَّهُ يُرِيدُ أَنْ يَتُوبَ عَلَيْكُمْ وَيُرِيدُ الَّذِينَ  
يَتَّبِعُونَ الشَّهْوَاتِ أَنْ تَمِيلُوا مَيْلًا عَظِيمًا ﴿٢٧﴾

Maksudnya: "Allah berkehendak akan menerangkan kepada mu dan memberikan petunjuk kepada mu tentang cara-cara (sunnah) yang dilakukan orang sebelum kamu, dan Allah juga berkehendak untuk menerima taubatmu, dan Allah adalah Zat yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana. Allah berkehendak untuk menerima taubatmu, tetapi orang yang mengikuti keinginan hawa nafsunya itu berkehendak sangat kuat untuk berpaling. Allah (juga) berkehendak untuk memberikan keringanan kepada mu, sebab manusia itu dicipta dengan keadaan yang lemah."

(al-Nisā' (4): 26-27)

Kaedah ini perlu difahami agar penggiat filem lebih berhati-hati supaya filem yang dihasilkan tidak bercampur antara unsur halal dan haram. Hal ini kerana setiap yang halal tidak mengiktiraf perkara yang haram. Sebagai contoh filem yang melakonkan

<sup>171</sup> Yūsuf al-Qaradāwī (1997), *Op. Cit.*, Hlm. 31.



watak-watak ulama Islam amat digalakkan namun ia perlu berhati-hati agar tidak sampai menghina dan merendahkan keperibadian ulama, tambahan pula ulama telah bersepakat dalam masalah ini hukumnya adalah haram<sup>172</sup> Percampuran dua unsur ini mampu mengubah pengertian sesebuah filem. Oleh sebab itu Naim Haji Ahmad membezakan apa yang dimaksudkan dengan pengertian ‘filem Islam’, ‘filem berunsur Islam’ serta ‘filem mungkar’.<sup>173</sup>

#### vi **Apa Saja yang Membawa Kepada Haram adalah Haram**<sup>174</sup>

(ما أدى إلى الحرام فهو حرام)

Sebahagian dari asas-asas yang telah ditetapkan oleh Islam ialah: “*Apabila sesuatu itu diharamkan, maka perantara (wasilah) yang membawa kepadanya juga dihukumkan sebagai haram*”. Oleh itu, Islam menutup pintu-pintu yang boleh membawa kepada perkara haram itu.<sup>175</sup>

Sebagai contoh apabila Islam mengharamkan zina, maka diharamkan juga segala mukadimah zina dan perkara-perkara yang boleh membawa ke arah itu. Seperti mempamerkan perhiasan (*tabarruj* jahiliah), berkhalwat atau berdua-duaan yang diharamkan, bercampur gaul dengan bebas, gambar lucah atau porno, tidak berakhlak, nyanyian tidak bermoral dan lain-lain lagi.<sup>176</sup>

---

<sup>172</sup> Abdullah Yusof (2000), *Op. Cit.*

<sup>173</sup> Naim Haji Ahmad (2011), *Op. Cit.*

<sup>174</sup> *Ibid.*, Hlm. 31-32.

<sup>175</sup> *Ibid.*, Hlm. 31.

<sup>176</sup> *Ibid.*

Dari sinilah para fukaha telah menetapkan satu kaedah: “*Perkara-perkara yang boleh membawa kepada haram adalah haram.*”<sup>177</sup>

Kaedah ini mirip kepada apa yang telah Islam tetapkan, iaitu dosa perbuatan haram itu tidak hanya terbatas ke atas pelakunya sahaja secara langsung, tetapi ia tersebar ke kawasan yang luas. Ia meliputi kepada mereka yang terbabit sama ada melalui material ataupun moral. Setiap seorang dari mereka mendapat dosa bersesuaian dengan kadar pembabitannya.<sup>178</sup>

Di dalam masalah arak, Nabi s.a.w. telah mengisytiharkan bahawa peminum, pemerah (yang membuat), yang menghidangkan, yang diberi, penjual dan seterusnya adalah berdosa semuanya.<sup>179</sup>

Di dalam masalah riba pula, Baginda s.a.w. memberitahu yang berdosa ialah pemakan riba, pemberi riba, penulis dan para saksinya.<sup>180</sup>

Begitulah keadaannya semua perkara yang dapat membantu kepada perbuatan haram, adalah haram. Dan sesiapa sahaja yang membantu atas perkara yang diharamkan, maka dia akan terlibat dalam dosanya.<sup>181</sup>

Sebagai contoh jika dikaitkan dengan filem, maka perkara-perkara yang boleh membangkitkan nafsu dan mencenderungkan seseorang melakukan perbuatan dosa

---

<sup>177</sup> *Ibid.*

<sup>178</sup> *Ibid.*, Hlm. 31-32.

<sup>179</sup> *Ibid.*, Hlm. 32.

<sup>180</sup> *Ibid.*

<sup>181</sup> *Ibid.*

atau boleh membawa kepada perkara yang ditegah Islam hukumnya adalah haram.<sup>182</sup>

Oleh itu tayangan yang berbau hedonisme, kegila-gilaan, kefasiqan yang mampu membawa kerosakan akidah, syariah dan akhlak Islam wajib dijaui.<sup>183</sup>

**vii Membuat Tipu Helah dalam Hal yang Haram, Hukumnya adalah Haram<sup>184</sup>**

(التحايل على الحرام حرام)

Sebagaimana Islam mengharamkan setiap perbuatan yang boleh membawa kepada haram dengan cara yang jelas, begitu juga Islam mengharamkan semua helah untuk melakukan perbuatan haram itu dengan cara yang tersembunyi dan helah syaitan. Rasulullah s.a.w. pernah mencela orang Yahudi atas perbuatannya menghalalkan apa yang telah diharamkan oleh Allah s.w.t. dengan jalan tipu helah.<sup>185</sup>

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا تتركبوا ما ارتكب اليهود وتستحل محارم الله بأدنى الحيل

Maksudnya: "Jangan kamu berbuat seperti perbuatan Yahudi, dan jangan kamu menganggap halal terhadap larangan-larangan Allah walaupun dengan helah yang paling kecil."

(Riwayat Abū `Abd Allah bin Baṭāh dengan sanad yang baik. Ia disahihkan seumpamanya oleh al-Tirmidhī)<sup>186</sup>

---

<sup>182</sup> \_\_\_\_\_ (2005), *Op. Cit.*

<sup>183</sup> Abdullah Yusof (2001), *Op. Cit.*

<sup>184</sup> *Ibid.*, Hlm. 32-33.

<sup>185</sup> *Ibid.*, Hlm. 32.

<sup>186</sup> Abū al-Fadāi' Ismā'īl bin `Umar bin Kathīr al-Qarsyī al-Baṣrī (1999), *Tasfīr al-Qurān al-`Azīm (Ibn Kathīr)*, Diedit oleh Sāmī bin Muḥammad Salāmah, Beirut: Dār Tībah Li al-Nasyir wa al-Tawzī', Juz. 1, Hlm. 293.

Sebagai contoh dapat dilihat orang Yahudi diharamkan menangkap ikan pada hari Sabtu. Mereka melakukan helah atas perkara yang diharamkan ini. Caranya ialah, mereka menggali parit pada hari Jumaat, supaya ikan-ikan dapat masuk pada hari Sabtu. Apabila tiba hari Ahad, mereka akan ambil ikan-ikan berkenaan.<sup>187</sup>

Perbuatan di atas dipandang halal oleh mereka yang memang berhelah bagi melanggar larangan itu. Namun bagi fukaha Islam ia adalah perbuatan haram, kerana tujuannya adalah untuk menangkap ikan sama ada melalui cara helah ataupun secara langsung.<sup>188</sup>

Termasuk berhelah adalah dengan memberi nama sesuatu yang diharamkan dengan satu nama lain. Diubah rupa bentuknya padahal intinya yang sama. Suatu hal yang tidak diragu lagi adalah bahawa sedikit pun tidak mengubah hukum asalnya apabila hanya mengubah nama, sedangkan ia adalah benda itu juga. Dan tidak boleh juga diambil kira dengan berubahnya rupa bentuk sedangkan hakikat benda yang berubah itu adalah benda yang sama.<sup>189</sup>

Sesiapa sahaja yang cuba mereka-reka rupa bentuk lain dengan tujuan mahu melakukan helah untuk menghalalkan riba atau mengubah nama *khamar* dengan tujuan melakukan helah untuk menghalalkan *khamar*, maka sesungguhnya dosa memakan riba dan meminum *khamar* itu tetap ada dan tidak berubah.

---

<sup>187</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī (1997), *Op. Cit.*

<sup>188</sup> *Ibid.*

<sup>189</sup> *Ibid.*

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَيَسْتَجِلْنَ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي الْخَمْرَ بِاسْمِ يُسْمُونَهَا إِيَّاهُ

Maksudnya: "Sungguh akan ada satu golongan dari umatku yang menganggap halal minum arak dengan memberikan nama lain."

(Riwayat Aḥmad)<sup>190</sup>

Dalam hadis yang lain Rasulullah s.a.w. bersabda:

يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ يُسْتَحَلُّ فِيهِ الرَّبَا بِالْبَيْعِ

Maksudnya: "Akan datang suatu masa di mana manusia menganggap halal riba dengan nama jual-beli."

(Ada disebutkan di dalam *Syarah al-Sunnah*, 8/193)<sup>191</sup>

Sesuatu yang sungguh pelik pada zaman kita ini di mana tarian bogel mereka beri nama seni, *khamar* mereka beri nama minuman kerohanian dan riba mereka namakan dengan faedah. Begitulah seterusnya.<sup>192</sup>

Tidak terkecuali juga dalam bab filem, terdapat segelintir penggiat filem cuma mencari helah untuk menghalalkan unsur-unsur haram dalam filem mereka. Sebagai contoh dalam filem *Mencari Cinta*, pengarah filem ini cuba menghalalkan persentuhan antara artis lelaki dan wanita bukan *maḥram* dengan alasan memaparkan kisah cinta suami isteri berlandaskan sunnah Nabi Muhammad s.a.w.<sup>193</sup>

---

<sup>190</sup> Abū ‘Abd Allah Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal bin Hilāl bin Asad al-Syaybanī (2001), *Op. Cit.*, Juz. 37, Hlm. 382.

<sup>191</sup> Abū Muḥammad al-Ḥussīn bin Mas`ūd bin Muḥammad bin al-Firā’ al-Baghwī al-Syāfī`ī (1983), *Syarah al-Sunnah*, Diedit oleh Syu`īb al-Arnu`wat, Beirut: al-Maktabah al-Islāmī, Juz. 8, Hlm. 193.

<sup>192</sup> Yūsuf al-Qaradāwī (1997), *Op. Cit.*, Hlm. 33.

<sup>193</sup> *Op. Cit.*

**viii Niat yang Baik Tidak Menghalalkan yang Haram**<sup>194</sup>

(النِّيةُ الحَسَنَةُ لَا تَبْرِرُ الحَرَامَ)

Islam menghargai apa sahaja yang dapat mendorong untuk berbuat baik, niat yang baik dan mulia di dalam semua pensyariatannya dan penghalalannya. Nabi Muḥamad s.a.w. telah bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَلِكُلِّ أَمْرٍ مَا نَوَى

Ertinya: *Sesungguhnya setiap amalan itu disertai dengan niat (ikhlas kerana Allah), dan sesungguhnya setiap orang itu dinilai berdasarkan apa yang diniatkannya.*”

(Riwayat Ibn Mājah)<sup>195</sup>

Dengan niat yang baik, perkara yang harus dan adat dapat diangkat menjadi ketaatan dan ibadah kepada Allah. Sesiapa yang makan makanan dengan niat untuk memelihara kehidupannya, menguatkan tubuh badan dan supaya dapat melaksanakan kewajipan terhadap Tuhan dan umatnya, maka makan dan minumannya itu menjadi ibadah.<sup>196</sup>

Malah sesiapa sahaja yang melepaskan syahwat bersama isterinya dengan niat untuk mendapatkan anak atau untuk memelihara diri dan keluarganya dari terjebak ke lembah maksiat, maka perbuatannya itu adalah ibadah yang berhak diberi pahala.<sup>197</sup>

---

<sup>194</sup> *Ibid.*, Hlm. 33-34.

<sup>195</sup> Ibn Mājah Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwaynī (t.t), *Op. Cit.*, Juz. 2, Hlm.1413.

<sup>196</sup> Yūsuf al-Qaradāwī (1997), *Op. Cit.*, Hlm. 33.

<sup>197</sup> *Ibid.*

Sabda Rasulullah s.a.w.:

فِي بُضْعِ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ قَالُوا: يَا رَسُولَ أَيَّتِي أَحَدُنَا شَهَوْتَهُ وَيَكُونُ لَهُ فِيهِ أَجْرٌ  
فَقَالَ: أَرَأَيْتُمْ لَوْ وَضَعَهَا فِي الْحَرَامِ أَكَانَ عَلَيْهِ فِيهِ وَزْرٌ فَكَذَلِكَ إِذَا وَضَعَهَا فِي  
الْحَلَالِ كَانَ لَهُ أَجْرٌ

Maksudnya: "Pada kemaluanmu itu ada sedekah. Para sahabat kemudian bertanya: Apakah kalau kita melepaskan syahwat juga mendapatkan pahala? Jawab Baginda: Apakah kalau dia lepaskan pada yang haram, dia juga akan beroleh dosa? Maka begitu jugalah halnya kalau dia lepaskan pada yang halal, dia pun akan beroleh pahala."

(Riwayat al-Bukhārī dan Muslim)<sup>198</sup>

Begitulah keadaannya pada setiap amalan harus yang dikerjakan oleh seorang mukmin di dalamnya ada unsur niat yang dapat diangkat menjadi ibadah kepada Allah s.w.t. Manakala perkara yang diharamkan, ia akan tetap dihukum sebagai haram sekalipun orang yang melakukannya berniat baik atau bertujuan mulia.<sup>199</sup>

Islam selama-lamanya tidak menerima perbuatan yang haram itu sebagai jambatan untuk mencapai matlamat yang terpuji, kerana Islam memelihara kemuliaan tujuan dan membersihkan wasilah (perantaraan) secara serentak. Syariat Islam tidak mengakui sama sekali prinsip: "Matlamat menghalalkan cara" Atau prinsip: "Untuk menuju kebenaran, tidak mengapa jika bergelumang dengan banyak kebatilan". Sebaliknya dalam Islam, untuk menuju matlamat yang benar mestilah melalui cara yang benar juga.<sup>200</sup>

---

<sup>198</sup> Muḥammad bin Ḥibbān bin Aḥmad bin Ḥibbān bin Mu`āz bin Ma`bad (1993), *Soḥīḥ Ibn Ḥibbān Bitartīb Ibn Balbān*, Diedit oleh Syu`ṭb al-Arna`ut, Beirut: Muassasah al-Risalah, Juz. 9, Hlm. 475.

<sup>199</sup> Yūsuf al-Qaradāwī (1997), *Op. Cit.*

<sup>200</sup> *Ibid.*

Barangsiapa yang mengumpul harta dengan riba, maksiat, permainan yang diharamkan, judi atau apa sahaja amalan yang diharamkan untuk membina masjid atau untuk projek-projek kebajikan atau sebagainya, maka ia tidak menjadi syafaat sekalipun niat tujuannya adalah baik. Dan ia juga tidak dapat menghilangkan dosa perbuatan haram berkenaan, kerana di dalam Islam perkara yang diharamkan terkesan dengan niat dan tujuan yang baik.<sup>201</sup>

Sabda Rasulullah s.a.w.:

وَمَنْ جَمَعَ مَالًا حَرَامًا ثُمَّ تَصَدَّقَ بِهِ، لَمْ يَكُنْ لَهُ أَجْرٌ، وَكَانَ إِصْرُهُ عَلَيْهِ

Maksudnya: "Barang siapa mengumpulkan wang dari jalan yang haram kemudian dia sedekahkan harta itu, sama sekali dia tidak akan beroleh pahala, bahkan dosanya akan menimpa dia "

(Riwayat Ibn Khuzaymah, Ibn Hibban dan Hākim)<sup>202</sup>

Sabda Rasulullah s.aw. lagi:

لَا يَكْسِبُ عَبْدٌ مَالًا مِنْ حَرَامٍ، فَيُنْفِقَ مِنْهُ فَيُبَارِكَ لَهُ فِيهِ، وَلَا يَتَصَدَّقُ بِهِ فَيُقْبَلَ مِنْهُ، وَلَا يَتْرُكُ خَلْفَ ظَهْرِهِ إِلَّا كَانَ زَادَهُ إِلَى النَّارِ، إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَا يَمْحُو السَّيِّئَ بِالسَّيِّئِ، وَلَكِنْ يَمْحُو السَّيِّئَ بِالْحَسَنِ، إِنَّ الْخَبِيثَ لَا يَمْحُو الْخَبِيثَ

Maksudnya: "Tidak seorang pun yang bekerja untuk mendapatkan kekayaan dengan jalan haram kemudian ia sedekahkan, bahawa sedekahnya itu akan diterima; dan kalau dia infakkan tidak juga mendapat barakah; dan tidak pula ia tinggalkan di belakang punggungnya (sesudah ia meninggal), melainkan dia itu sebagai perbekalan ke neraka. Sesungguhnya Allah tidak akan menghapuskan kejahatan dengan kejahatan, tetapi kejahatan dapat dihapus dengan kebaikan. Kejelekan tidaklah dapat menghapuskan kejelekan."

(Riwayat Ahmad dan lain-lain)<sup>203</sup>

<sup>201</sup> *Ibid.*, Hlm. 34.

<sup>202</sup> Abū Aḥmad Ḥamīd bin Mukhlid bin Qatībah bin `Abd Allah al-Kharsānī al-Ma'rūf Biibni Zanjūwīyyah (1986), *al-Amwāl Li Ibn Zanjūwīyyah*, Diedit oleh Syākir Zayb Fiyād al-Ustāz al-Sā'id, Saudi: Markaz al-Malik Faysal Li al-Bahhūth wa al-Dirāsāt al-Islāmīyyah, Juz. 2, Hlm. 794.



Jika dikaitkan dengan filem, memang terdapat segelintir penggiat filem yang menghalalkan yang haram dengan alasan niat yang baik. Sebagai bukti seorang pelakon pernah menyatakan apabila ditanya oleh wartawan :<sup>204</sup>

Wartawan : *Ish! Tak malu ke, boleh bogel macam tu?*

Pelakon : *Memang malu. Lagipun bercanggah dengan norma masyarakat, saya pun orang Islam, tahu hukumnya haram melakukan watak perempuan dan menambah dosa lagi apabila mendedahkan aurat pula. Namun ia berbalik kepada niat dalam hati untuk menyampai mesej positif. Saya mahu penonton tidak mengikut jejak Ruby yang sanggup mengorbankan segala-galanya apabila menukar jantina dan tinggalkan keluarga hanya kerana cinta kepada kaum sejenis. Jangan buat macam Ruby, itu mesej saya.*

Masalah ini berpunca kerana mereka tidak memahami kaedah ini. Oleh kerana itu ramai yang cuba menghalalkan perkara yang haram dengan menggunakan nama Islam. Sedangkan apa yang mereka lakukan itu jelas bertentangan dengan hukum Islam. Biasanya mereka menggunakan alasan tujuan untuk memberi pengajaran atau dakwah. Sedangkan mana mungkin perkara yang jelas haram mampu menjadi medium dakwah Islam. Paling bahaya jika natijah yang sampai kepada penonton adalah sebaliknya. Oleh sebab itu Islam tidak mengiktiraf yang haram walaupun dengan tujuan yang baik.

---

<sup>203</sup> Abū ‘Abd Allah Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal bin Hilāl bin Asad al-Syaybanī (2001), *Op. Cit.*, Juz. 6, Hlm. 189.

<sup>204</sup> *Utusan Malaysia*, Julai 4, 2010, “Ya, memang saya berbogel - Arja Lee”.

ix **Menjauhi Diri dari Syubhah Kerana Takut Terlibat dalam Haram**<sup>205</sup>

(اتقاء الشبهات خشية الوقوع في الحرام)

Sebahagian daripada rahmat dan kasih sayang Allah s.w.t terhadap manusia ialah, tidak dibiarkan manusia ini berada dalam kegelapan tentang hal halal dan haram. Malah yang dijelaskan yang mana halal dan yang mana haram.<sup>206</sup>

Firman Allah s.w.t.:

وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرَّرْتُمْ

Ertinya: "Dan sungguh Allah telah menerangkan kepada mu apa-apa yang Ia haramkan atas kamu."

(*al-An`ām* (6): 119)

Mana-mana yang jelas halal, maka tidak ada halangan untuk dikerjakan. Mana-mana yang jelas haram, maka tidak boleh dikerjakan (tidak ada rukhsah) selagi mana tidak berada di dalam keadaan darurat.<sup>207</sup>

Di sana terdapat suatu persoalan yang tidak begitu jelas antara halal yang nyata dan haram yang nyata. Hal ini dikenali sebagai syubhah yang mungkin dihadapi oleh sebahagian manusia yang berada dalam keadaan samar antara halal dan haram. Ada kala kesamaran ini disebabkan oleh dalil-dalilnya yang tidak jelas. Dan ada kala tidak jelas dalam penerapan nas (*tathbiq nash*) atas masalah berkenaan.<sup>208</sup>

---

<sup>205</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī (1997), *Op. Cit.*, Hlm. 34-35.

<sup>206</sup> *Ibid.*, Hlm. 34.

<sup>207</sup> *Ibid.*

<sup>208</sup> *Ibid.*, Hlm. 35.

Umat Islam yang menjauhkan diri dari syubhah ini dikenali sebagai warak (suatu sikap berhati-hati kerana takut berbuat haram). Ia dijauhi agar tidak terjebak kepada perkara yang dapat membawanya kepada perkara yang diharamkan. Ia adalah sebahagian dari *sadd al-zarā'ī* (menutup pintu kemaksiatan). Di samping itu, ia juga merupakan salah satu jenis pendidikan yang berpandangan jauh serta dapat menyelusur hakikat kehidupan manusia.<sup>209</sup>

Asal untuk prinsip ini ialah sabda Rasulullah s.a.w:

الْحَلَالُ بَيْنَ وَالْحَرَامِ بَيْنَ، وَبَيْنَ ذَلِكَ أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ، لَا يَدْرِي كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ أَمِنَ  
 الْحَلَالِ هِيَ أَمْ مِنَ الْحَرَامِ، فَمَنْ تَرَكَهَا اسْتِبْرَاءً لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ فَقَدْ سَلِمَ، وَمَنْ وَاقَعَ  
 شَيْئًا مِنْهَا، يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَ الْحَرَامَ، كَمَا أَنَّهُ مَنْ يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى، يُوشِكُ أَنْ  
 يُوَاقِعَهُ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى، أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مَحَارِمُهُ

Maksudnya: "Yang halal sudah jelas dan yang haram pun sudah jelas, di antara keduanya itu ada beberapa perkara yang belum jelas (syubhah), banyak orang yang tidak tahu apakah dia itu masuk bahagian yang halal atau yang haram? Maka barang siapa yang menjauhinya kerana hendak membersihkan agama dan kehormatannya, maka dia akan selamat, dan barang siapa mengerjakan sedikit pun daripadanya hampir-hampir ia akan jatuh ke dalam haram, sebagaimana orang yang menggembala kambing di sekitar daerah larangan, dia hampir-hampir akan jatuh kepadanya. Ingatlah! Bahawa tiap-tiap raja mempunyai daerah larangan. Ingat pula, bahawa daerah larangan Allah itu ialah semua yang diharamkan."

(Riwayat al-Bukhārī, Muslim dan al-Tirmidhī, dan riwayat ini adalah lafaz al-Tirmidhī)<sup>210</sup>

Biasanya unsur syubhah paling banyak terdapat dalam sesebuah filem, hal ini kerana penggiat filem tidak mengetahui hukum sebenar di sebalik unsur yang diterapkan dalam filem. Sebagai contoh masalah persentuhan dan percampuran antara artis lelaki dan wanita yang bukan *mahram*. Oleh sebab itu Yūsuf al-Qaraḍāwī

<sup>209</sup> *Ibid.*

<sup>210</sup> Muḥammad bin 'Īsā bin Sawrah bin Mūsā bin al-Ḍaḥḥāk al-Tirmidhī Abū 'Īsā (1998), *Sunan al-Tirmidhī*, Diedit oleh Basyār 'Awwād Ma'rūf Juz. 2, Hlm. 502.

menegaskan unsur seperti ini perlu dielakkan dalam sesebuah filem bagi mengelak dari fitnah dan menolak syubhah.<sup>211</sup>

**x      Sesuatu yang Haram Berlaku ke atas Semua Orang<sup>212</sup>**  
(الحرام حرام على الجميع)

Perkara yang diharamkan di dalam Islam bersifat menyeluruh dan universal. Oleh kerana itu, tidak ada suatu yang diharamkan kepada orang selain Arab (*ajam*) dan dihalalkan untuk orang Arab. Tidak ada suatu perkara yang dilarang untuk orang berkulit hitam dan dibenarkan untuk orang berkulit putih. Tidak ada satu perkara yang diharuskan atau diberi rukhsah yang dikhususkan untuk satu lapisan masyarakat atau satu puak tertentu yang bertindak menurut kehendak nafsu mereka atas nama rukhsah serta berselindung di sebalik nama paderi, pendeta, raja dan orang suci.<sup>213</sup>

Malah tidak ada keistimewaan untuk orang Islam tertentu sehingga berlaku, haram atas orang lain dan halal untuk dirinya sendiri. Sama sekali tidak berlaku perkara ini. Sesungguhnya Allah s.w.t. adalah Tuhan untuk semua manusia. Begitu juga dengan syariat. Ia adalah untuk semuanya. Apa sahaja yang Allah s.w.t halalkan dengan syariat-Nya, maka ia halal untuk semuanya. Dan apa yang diharamkan, maka ia diharamkan untuk semuanya. Perkara ini berlaku hingga hari kiamat.<sup>214</sup>

---

<sup>211</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī (2003), *Op. Cit.*

<sup>212</sup> \_\_\_\_\_ (1997), *Op. Cit.*, Hlm. 35-37.

<sup>213</sup> *Ibid.*, Hlm. 35.

<sup>214</sup> *Ibid.*

Sebagai contoh hukum mencuri adalah haram. Sama ada yang mencuri itu orang Islam atau bukan Islam, sama ada yang dicuri itu harta orang Islam atau bukan Islam. Maka hukum ini akan tetap berlaku tanpa mengira keturunan dan darjat kedudukannya.<sup>215</sup>

Inilah apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan diperakui dalam sabdanya:

وَإِيْمُ اللّٰهِ، لَوْ سَرَقَتْ فَاطِمَةُ بِنْتُ مُحَمَّدٍ لَقَطَعْتُ يَدَهَا

Ertinya: "Demi Allah! Kalau sekiranya Fatimah binti Muhammad yang mencuri, pasti akan kupotong tangannya."

(Riwayat al-Bukhārī)<sup>216</sup>

Sebagai contoh jika dikaitkan dengan filem, setiap mereka yang terlibat secara langsung ataupun tidak perlu memenuhi patuh syariah. Sama ada pengarah, penulis skrip, pelakon, juru kamera, juru mekap atau selain mereka. Hukum Allah s.w.t. tidak memilih pangkat, rupa, kedudukan dan seumpamanya. Jika mereka benar-benar memahami kaedah ini tidak timbul pentakrifan 'filem ada filem', hal ini kerana filem tidak terjadi dengan sendiri dan sebaliknya kita yang melahirkannya. Maka semua yang terlibat dalam menghasilkan sesebuah filem perlu patuh dan taat kepada perintah Allah s.w.t., kerana sesuatu yang haram boleh berlaku kepada semua orang.

---

<sup>215</sup> *Ibid.*, Hlm. 35-36.

<sup>216</sup> Abū `Abd al-Raḥman Aḥmad bin Syu`ayb bin `Alī al-Khurāsānī, al-Nasā`ī (1986), *al-Mujtabā Min al-Sunni: al-Sunan al-Saghir Li al-Nasā`ī*, Diedit oleh `Abd al-Fatāh Abū Ghaddah, Halab: Maktabah al-Maṭbū`āt al-Islāmīyyah, Juz. 8, Hlm. 74.

xi **Keadaan Darurat Membenarkan Perkara yang Dilarang**<sup>217</sup>  
(الضرورات تبيح المحظورات)

Islam telah menfokuskan batasan yang haram, namun ia mengetatkan perkara yang haram dengan menutup pintu yang boleh membawa kepada haram, sama ada secara nyata atau tersembunyi. Oleh itu, apa sahaja yang dapat membawa kepada haram, maka ia adalah haram dan apa sahaja yang membantu untuk berbuat haram, maka hukumnya juga adalah haram. Begitu juga, apa sahaja helah untuk melakukan perkara yang haram, maka ia adalah haram dan seterusnya sebagaimana yang telah disebutkan dalam kaedah-kaedah sebelum ini.<sup>218</sup>

Dalam pada itu, Islam tidak pernah melupakan keperluan-keperluan hidup dan kelemahan manusia ketika berhadapan dengan sesuatu kepentingan. Oleh itu Islam menghargai keperluan yang pasti mendatang dan menghargai kelemahan manusia. Atas asas ini, seorang Muslim yang berada dalam keadaan darurat maka dibenarkan melakukan perkara yang diharamkan untuk mengelakkan kemudaratan dan memelihara diri dari kemusnahan.<sup>219</sup>

Seperti mana firman Allah s.w.t:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالْدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ ۚ لغيرِ اللَّهِ  
فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٧٢﴾

<sup>217</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī (1997), *Op. Cit.*, Hlm 36-37.

<sup>218</sup> *Ibid.*, Hlm. 36.

<sup>219</sup> *Ibid.*, Hlm. 36-37.

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah. Maka barangsiapa dalam keadaan terpaksa dengan tidak sengaja dan tidak melampaui batas, maka tiada berdosa atasnya, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Belas Kasihan."

(*al-Baqarah* (2): 173)

Terdapat ayat yang sama maksud dengan ayat ini diulang di dalam empat surah di dalam Quran. Dan dari ayat ini dan ayat-ayat yang seumpamanya, maka para fukaha Islam telah menetapkan satu kaedah iaitu: "*Keadaan darurat membenarkan perkara yang dilarang.*"<sup>220</sup>

Namun perlulah diberi perhatian bahawa di dalam ayat-ayat berkenaan ada mengemukakan garis panduan dalam keadaan darurat iaitu: "*Tidak sengaja dan tidak melampaui batas.*"<sup>221</sup>

Ayat ini dapat ditafsirkan bahawa pengertian "*Tidak sengaja*" bermaksud tidak sengaja mencari kelazatan atau keseronokan. Manakala ayat "*Tidak melampaui batas*" bermaksud tidak melampaui keperluan yang diperlukan.<sup>222</sup>

Melalui kaitan "*Tidak sengaja*" dan "*Tidak melampaui batas*", maka para fukaha telah menetapkan satu kaedah lain iaitu:

ما أبيع للضرورة يقدر بقدرها

Maksudnya : "*Darurat itu dikira menurut ukurannya.*"<sup>223</sup>

---

<sup>220</sup> *Ibid.*, Hlm. 37.

<sup>221</sup> *Ibid.*

<sup>222</sup> *Ibid.*

<sup>223</sup> *Ibid.*

Oleh itu, setiap manusia boleh tunduk terhadap tekanan darurat, namun dia tidak boleh menyerah kepadanya dan tidak boleh juga mencampakkan diri ke dalam keadaan berkenaan. Dia wajib berpegang kepada asal yang halal dengan mencari yang halal agar dirinya tidak terjebak ke dalam perkara yang diharamkan atau mempermudah darurat.<sup>224</sup>

Jika dikaitkan dengan filem, kaedah ini wajib difahami dengan jelas. Hal ini kerana jika disalah fahami boleh menyebabkan ramai penggiat filem cuba menghalalkan matlamat mereka. Sedangkan apa yang dihasilkan jelas bertentangan dengan hukum Islam dan belum sampai ke tahap darurat. Contohnya seorang pelakon Malaysia pernah mengaku berbogel dalam filemnya dengan niat yang baik.<sup>225</sup> Namun dari sudut hukum ia belum dikira sebagai darurat sehingga membenarkan pelakon tersebut untuk berbogel.<sup>226</sup> Oleh itu dalam hal ini penggiat filem perlu memahami maksud sebenar darurat dari sudut Islam, agar tidak berulang kesilapan yang sama.

---


<sup>224</sup> *Ibid.*

<sup>225</sup> *Op. Cit.*

<sup>226</sup> Engku Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamsudin (1992), *Op. Cit.*,



## 2.8 PROSES ANALISIS FILEM



**Rajah 2.4**

Gambar rajah 2.4 merupakan proses analisis kajian ini. Kajian ini menfokuskan kepada unsur-unsur yang terdapat dalam elemen filem *Ketika Cinta Bertasbih*. Analisis ini mengikut kepada perspektif hukum Islam, iaitu dengan merujuk kepada kaedah-kaedah asas halal dan haram dan proses penerbitan filem Islam. Dapatan akhir analisis kajian ini diharap dapat memberi satu piawaian atau garis panduan dalam menghasilkan filem Islam.

## 2.9 KESIMPULAN

Bab ini secara rumusannya menghuraikan piawaian atau garis panduan yang perlu dijaga dan dipatuhi dalam pembikinan sesebuah filem. Elemen-elemen dalam filem yang menjadi bahan santapan para penonton jika tidak dikawal atau diawasi boleh mendatangkan kesan buruk terhadap penonton. Garis panduan ini yang sering diabaikan oleh setiap penggiat filem, ini kerana masing-masing mempunyai pentakrifan dan tujuan dalam menghasilkan sesebuah filem. Oleh itu bab ini akan menjadi rangka kajian dalam menjalankan analisis filem dalam bab empat.